



Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan Malaysia

2026 - 2030

**Membina Masa
Depan Kewangan
yang Kukuh**



PDF interaktif ini membolehkan anda mendapat maklumat dengan mudah mencari benda tertentu atau menavigasi antara halaman, bahagian dan penghubung ke muka surat.

[Senarai Kandungan](#) [Pautan](#) [← Halaman Sebelum](#) [→ Halaman Seterus](#)

Perutusan YAB Perdana Menteri	2
Prakata oleh Pengerusi Bersama Jaringan Pendidikan Kewangan	3
Ringkasan Eksekutif	4
Bab 1 Melakar Permulaan: Landskap Literasi Kewangan Malaysia	5
Bab 2 Suara Komuniti, Arah Masa Depan: Kepentingan Libat Urus Awam	16
Bab 3 Pemacu Perubahan: Strategi Kebangsaan 2026 – 2030	21
Fokus Strategik 1: Menggalakkan perancangan kewangan yang berhemat dan persediaan untuk persaraan	28
Fokus Strategik 2: Memupuk pengurusan hutang yang bijak dan bertanggungjawab	32
Fokus Strategik 3: Menjamin masa depan kewangan melalui langkah perlindungan risiko	36
Fokus Strategik 4: Menggalakkan penggunaan perkhidmatan kewangan digital secara selamat, yakin dan bermakna	40
Fokus Strategik 5: Mendorong pelaburan bagi menjana kekayaan	44
Bab 4 Menjayakan Aspirasi: Pendekatan Pelaksanaan Strategi	50
Bab 5 Mengukur Kemajuan: Proses Pemantauan dan Penilaian NS2.0	55
Lampiran	65
Mengenai Jaringan Pendidikan Kewangan	66
Mengenai Indeks Celik dan Keupayaan Kewangan Malaysia	70

Perutusan YAB Perdana Menteri



Dalam usaha Malaysia mencapai status sebagai negara berpendapatan tinggi yang lebih inklusif dan mampan, kesejahteraan kewangan rakyat perlu kekal sebagai tunjang utama dalam pembangunan negara.

Strategi literasi kewangan yang pertama iaitu Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019 – 2023, atau NS1.0, telah meletakkan asas yang kukuh dengan menghimpunkan sektor awam dan swasta di bawah satu aspirasi: untuk memperkasakan pengetahuan dan keupayaan kewangan rakyat Malaysia. Hasilnya jelas. Kita telah memperkukuh kedudukan literasi kewangan kita pada peringkat global, kesedaran orang ramai semakin meningkat serta agensi-agensi yang berkaitan telah mempertingkatkan penyelarasan mereka untuk mengutamakan pendekatan yang bersepadu. Pencapaian ini menunjukkan bahawa kejayaan pasti dapat dicapai apabila kita bertindak dengan iltizam dan tujuan yang sama.

Sungguhpun begitu, perjalanan kita masih jauh dan penuh cabaran. Landskap kewangan kini berubah dengan pantas, dibentuk oleh pendigitalan, ekonomi yang semakin tidak menentu, perubahan demografi serta bentuk risiko kewangan yang baharu. Kesemua cabaran ini menuntut pendekatan tindak balas yang dinamik, inklusif

dan yang bersedia untuk mendepani zaman. Dalam kita mengharungi cabaran ini, tiada seorang rakyat Malaysia pun yang harus dipinggirkan.

Strategi literasi kewangan yang kedua iaitu Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2026 – 2030, atau NS2.0, tampil untuk menyahut cabaran ini. Strategi ini bertujuan untuk memperkasakan rakyat Malaysia daripada segenap lapisan masyarakat agar dapat mendepani persekitaran kewangan masa kini dengan yakin dan berkemahiran. NS2.0 berhasrat untuk membantu rakyat menguruskan hutang dan risiko kewangan dengan lebih berkesan, membina daya tahan kewangan bagi menghadapi situasi yang tidak dijangka, menggalakkan penggunaan perkhidmatan kewangan digital secara selamat dan bijak serta menyokong golongan yang mudah terjejas agar mendapat peluang yang saksama.

Strategi ini bukan sekadar suatu rangka kerja malah merupakan pemangkin pemerkasaan ekonomi dan sosial. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Jaringan Pendidikan Kewangan atas dedikasi mereka dalam merangka dan memacu pelaksanaan Strategi ini. Namun, kejayaan NS2.0 memerlukan pendekatan seluruh negara. Baik Kementerian, industri mahupun masyarakat, kita mempunyai peranan masing-masing untuk memastikan literasi kewangan bukanlah keistimewaan untuk segelintir masyarakat, tetapi hak semua rakyat.

Apabila kita melabur dalam usaha memperkasakan keupayaan kewangan rakyat, kita juga memperteguh keluarga, masyarakat dan negara. Kita memantapkan asas masyarakat yang lebih berdaya tahan dan saksama. Asas yang berteraskan nilai-nilai Malaysia Madani: keadilan, keterangkuman dan kelestarian.

Pemerkasaan kewangan perlu menjadi lambang yang mentakrifkan masa depan Malaysia. Marilah kita bersama-sama membangunkan legasi kemuliaan, keselamatan dan harapan untuk generasi akan datang.

Terima kasih.

YAB DATO' SERI ANWAR IBRAHIM

Prakata oleh Pengerusi Bersama Jaringan Pendidikan Kewangan



Usaha memperluas literasi kewangan merupakan komitmen jangka panjang yang perlu berkembang seiring dengan perubahan norma masyarakat, teknologi dan struktur ekonomi.

Strategi literasi kewangan yang pertama iaitu Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019 – 2023 (NS1.0) telah membawa perubahan pada pendekatan Malaysia terhadap pendidikan kewangan: melalui akauntabiliti bersama, penyelarasan yang lebih kukuh dan tumpuan pada hasil berasaskan bukti. Sejak itu, kita telah membina asas yang kukuh untuk kerjasama antara agensi

dan dalam melaksanakan intervensi yang lebih bersasar. Usaha ini telah menunjukkan kemajuan yang positif. Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Segi Permintaan yang dilakukan setiap tiga tahun telah mengesahkan pencapaian ini. Dapatan menunjukkan adanya peningkatan tahap pengetahuan, tingkah laku dan sikap kewangan rakyat Malaysia. Namun pada masa yang sama, kaji selidik ini juga menyerlahkan jurang yang masih berterusan, khususnya dalam perancangan jangka panjang, pengurusan hutang dan literasi kewangan digital.

Strategi literasi kewangan yang kedua iaitu Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2026 -2030 (NS2.0) dirancang berasaskan pendekatan yang berpandangan ke hadapan. Berteraskan lima Fokus Strategik, NS2.0 menetapkan hala tuju yang jelas untuk memperkasakan rakyat Malaysia pada setiap peringkat kehidupan, dengan memberikan tumpuan khusus pada golongan mudah terjejas dan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan. NS2.0 menekankan kepentingan keupayaan kewangan yang mantap bukan sahaja untuk memenuhi keperluan harian malahan juga untuk membina daya tahan dan kesejahteraan kewangan jangka panjang.

NS2.0 memberikan lebih banyak penekanan kepada aspek pelaksanaan, keupayaan untuk mencapai skala yang lebih besar dan hasil yang boleh diukur. Hal ini bermakna cara kita mengukur kemajuan, menyelaraskan intervensi dengan keperluan sebenar dan memanfaatkan inovasi serta pemahaman tingkah laku perlu diperkukuh untuk mencapai impak yang bermakna. Pelan Pelaksanaan NS2.0 memastikan pelaksanaan yang berkesan, penyelarasan sumber dan kemajuan yang berterusan.

Bagi pihak Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, bersama-sama dengan ahli pengasas Jaringan Pendidikan Kewangan (Financial Education Network, FEN) (Kementerian Pendidikan, Kementerian Pendidikan Tinggi, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, Permodalan Nasional Berhad dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit), kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua ahli bersekutu dan rakan usaha sama atas pandangan yang tidak ternilai serta sokongan padu dalam merangka Strategi ini. Sumbangan anda telah menghasilkan NS2.0 yang lebih inklusif, responsif dan berpaksikan realiti kehidupan rakyat Malaysia.

Kami juga mengiktiraf peranan orang ramai, bukan sahaja dalam membentuk NS2.0 melalui maklum balas yang diberikan tetapi dengan merealisasikan melalui amalan harian. Celik kewangan dibina secara berperingkat daripada pelajar yang merancang perbelanjaan dengan baik, keluarga yang mengumpulkan simpanan untuk keperluan luar jangka hinggalah kepada pesara yang berwaspada terhadap penipuan. Amalan harian ini membentuk asas sebenar kepada sebuah negara yang berdaya tahan daripada segi kewangan.

Bagi merealisasikan hasrat NS2.0 sepenuhnya, kerjasama, inovasi dan komitmen yang berterusan amat diperlukan. Kami menyeru semua pihak berkepentingan untuk bersama-sama dengan FEN bagi merealisasikan Strategi dengan impak yang berkekalan. Strategi ini bukan sekadar tentang memperbaiki cara kita menguruskan wang tetapi juga untuk menerapkan literasi kewangan dalam jati diri masyarakat kita sebagai sesuatu yang berharga, diamalkan dan diwarisi.

Bersama-sama, kita berupaya memperkasakan rakyat Malaysia untuk membina masa depan kewangan yang lebih kukuh dan berdaya tahan.

Terima kasih.

Dato' Sri Abdul Rasheed Ghaffour
Gabenor,
Bank Negara Malaysia

Dato' Mohammad Faiz Azmi
Pengerusi,
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Ringkasan Eksekutif

Gambaran Keseluruhan

Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2026 – 2030 (National Strategy for Financial Literacy, NS2.0) menetapkan hala tuju diperbaharui dalam usaha memperkukuh tahap literasi kewangan rakyat Malaysia, dengan memantapkan asas yang dibina melalui Strategi Kebangsaan pertama 2019 – 2023. Mengambil iktibar daripada pelaksanaan yang lalu, NS2.0 dirangka dengan pendekatan yang lebih adaptif untuk bertindak balas memenuhi keperluan pelbagai kumpulan sasaran serta menangani cabaran baharu yang muncul daripada pendigitalan, perubahan struktur ekonomi serta peralihan dalam gaya hidup serta corak penggunaan rakyat.

Visi dan Misi

NS2.0 berpaksikan kepada visi yang jelas: memperkasakan rakyat Malaysia dengan keupayaan kewangan yang kukuh bagi mencapai daya tahan dan kesejahteraan kewangan, sekali gus membuka laluan ke arah masa depan yang selamat, inklusif dan mampan. Visi dan misi ini menggalakkan pendekatan seluruh negara dalam penyampaian pendidikan kewangan yang inklusif, dinamik, inovatif dan disasarkan dengan baik, bagi membudayakan amalan membuat keputusan kewangan yang bijak dan bertanggungjawab.

Lima Fokus Strategik (Strategic Priorities, SP) 2026 – 2030

SP1 Menggalakkan perancangan kewangan berhemat dan persediaan untuk persaraan	SP2 Memupuk pengurusan hutang yang bijak dan bertanggungjawab	SP3 Menjamin masa depan kewangan melalui langkah perlindungan risiko	SP4 Menggalakkan penggunaan perkhidmatan kewangan digital secara selamat, yakin dan bermakna	SP5 Mendorong pelaburan bagi menjana kekayaan
• Mendorong penambahbaikan berterusan dari segi kesedaran, pengetahuan dan tabiat perancangan kewangan merentasi semua fasa kehidupan dengan memanfaatkan pemahaman tingkah laku • Memperkukuh ekosistem literasi kewangan bagi meningkatkan akses kepada sumber dan alat perancangan kewangan yang ampuh serta penggunaannya yang berkesan	• Meningkatkan ilmu pengetahuan dan amalan pengurusan hutang bagi mengukuhkan kedudukan kewangan jangka panjang • Memastikan akses kewangan yang inklusif, dilengkapi khidmat nasihat dan sokongan yang menyeluruh, khususnya bagi segmen mudah terjejas dan kurang mendapat perkhidmatan kewangan	• Meningkatkan kesedaran dan pemahaman pengguna mengenai perlindungan risiko serta manfaatnya, bagi mendorong amalan pengurusan risiko yang bertanggungjawab dan optimum • Memperluas akses dan penggunaan mikroinsurans/ mikrotakaful, khususnya bagi segmen mudah terjejas	• Memperkukuh literasi kewangan digital dan pada masa yang sama memupuk kesedaran keselamatan siber serta menggalakkan penggunaan saluran bantuan penyelesaian dan khidmat nasihat berdasarkan maklumat yang mencukupi • Menggalakkan penggunaan perkhidmatan kewangan digital secara lebih meluas bagi mempertingkatkan rangkuman kewangan	• Meningkatkan lagi kesedaran mengenai ketersediaan, risiko dan manfaat produk pelaburan • Memudahkan penerapan pelaburan digital secara lebih meluas • Memperluas kesedaran tentang produk Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (Sustainable and Responsible Investment) bagi menggalakkan penyertaan yang lebih menyeluruh

Rangka Kerja Pemantauan dan Penilaian yang Kukuh

Peringkat Makro: Penunjuk Utama dan Sasaran

- Menetapkan **sasaran kebangsaan yang boleh diukur** untuk dicapai menjelang tahun 2030
- Tumpuan pada **kemajuan seimbang** merangkumi pengetahuan, tingkah laku dan sikap kewangan, serta menyokong penambahbaikan kedudukan literasi kewangan Malaysia pada peringkat global
- Berfungsi sebagai **aspirasi bersama untuk menyelaraskan usaha** dan menggerakkan penyertaan pihak berkepentingan merentasi pelbagai sektor

Peringkat Mikro: Pelan Pelaksanaan

- **Pelan Hala Tuju Programatik** untuk memacu pelaksanaan inisiatif dan menilai impak secara menyeluruh merangkumi usaha pelbagai pihak berkepentingan.
- Tumpuan pada **tiga aspek strategik**: mengubah cara fikir dan tingkah laku berkaitan wang, memperkukuh kemahiran kewangan segmen sasaran utama, serta membina kerjasama kukuh bagi mendorong perubahan mampan, dengan **memanfaatkan pemahaman tingkah laku** untuk memastikan hasil yang bermakna
- Memandu transformasi usaha institusi menjadi **Inisiatif Peringkat Kebangsaan (National Level Initiative)** yang meluas dan berimpak tinggi

Bab 01

Melakar Permulaan: Landskap Literasi Kewangan Malaysia

Meneguhkan Akar:
Kemajuan dalam Pemerkasaan Literasi Kewangan

Jurang Masih Wujud:
Menyingkap Cabaran Semasa

Trend Baharu yang Membentuk Masa Depan Literasi Kewangan

Mengorak Langkah:
Strategi Kebangsaan bagi Pemerkasaan Kewangan yang Inklusif



Perjalanan literasi kewangan Malaysia telah menunjukkan perkembangan yang positif sejak pelancaran Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan pertama (*first* National Strategy for Financial Literacy, NS1.0) yang menjadi asas kukuh bagi fasa seterusnya. Namun begitu, landskap ekonomi dan kewangan yang semakin dinamik serta cabaran baharu yang muncul menuntut pemahaman yang lebih mendalam mengenai kedudukan tahap celik kewangan negara dan bagaimana rakyat boleh menyesuaikan diri dengan keadaan semasa. Literasi kewangan semakin penting untuk membina daya tahan kewangan rakyat dan menggalakkan rangkuman kewangan, yang seterusnya akan menyokong kestabilan dan kemakmuran ekonomi negara dalam jangka panjang. Bab ini mengimbas kembali pencapaian sejak pelaksanaan NS1.0, di samping mengenal pasti jurang dan cabaran yang masih wujud. Hasil daripada penilaian ini menjadi asas kepada pembangunan Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan kedua (*second* National Strategy for Financial Literacy, NS2.0) dengan mengukuhkan lagi usaha sedia ada serta menangani kesemua jurang ini. Seterusnya, hala tuju baharu dapat dirangka bagi terus mempertingkatkan tahap literasi kewangan di Malaysia.

Pada masa kini, rakyat Malaysia berhadapan dengan pelbagai pilihan produk dan perkhidmatan kewangan yang semakin kompleks. Daripada pembayaran digital dan pilihan pelaburan yang canggih, sehinggalah perancangan persaraan dan pengurusan hutang, setiap keputusan kewangan yang dibuat hari ini akan mencorakkan kedudukan kewangan pada masa hadapan. Mengambil kira perkembangan ini, literasi kewangan berada pada kedudukan yang semakin mustahak sebagai kemahiran asas bagi individu dan perusahaan kecil untuk membuat pilihan dan menguruskan risiko kewangan dengan lebih berkesan.

Literasi kewangan merupakan elemen terpenting dalam usaha mencapai daya tahan kewangan dan kesejahteraan kewangan. Dengan ilmu, kemahiran, tingkah laku dan sikap yang betul, rakyat Malaysia berupaya untuk menghadapi ketidakpastian ekonomi, mengelak daripada kesusahan kewangan, merebut peluang yang tersedia, serta merancang masa hadapan dengan lebih berkesan. Keputusan kewangan yang berhemat menjadi pemangkin kepada kitaran kesejahteraan berterusan melalui peningkatan tahap keselamatan, keyakinan dan kualiti hidup yang lebih baik.


Meneguhkan Akar: Kemajuan dalam Pemerkasaan Literasi Kewangan

Pada tahun 2016, dapatan kajian oleh Organisation for Economic Co-operation and Development International Network on Financial Education (OECD/INFE) telah meletakkan Malaysia pada kedudukan paling bawah dari segi pengetahuan kewangan, sekali gus menyerlahkan jurang yang ketara berhubung dengan pemahaman rakyat mengenai konsep asas kewangan. Cabaran ini berlarutan pada tahun 2019 apabila Malaysia sekali lagi berada dalam kelompok terendah, lantas menekankan keperluan untuk memberikan tumpuan yang lebih mendalam terhadap usaha memperkasakan literasi kewangan. Bagi menangani isu ini, Malaysia telah mengambil langkah tepat dengan menubuhkan Jaringan Pendidikan Kewangan (Financial Education Network, FEN), iaitu sebuah platform antara agensi yang menghimpunkan institusi dan agensi yang komited untuk meningkatkan tahap literasi kewangan rakyat Malaysia. NS1.0 turut dilancarkan pada tahun 2019 bagi menyelaraskan dan mempergiat usaha pendidikan kewangan di seluruh negara.

Pelbagai langkah terus diambil sejak pengenalan NS1.0. Indeks Celik dan Keupayaan Kewangan Malaysia (Malaysia Financial Literacy and Capability Index, MYFLIC) meningkat daripada 57.1 pada tahun 2018 kepada 59.1 pada tahun 2024, didorong terutamanya oleh kesedaran yang meningkat tentang konsep dan produk kewangan. Malaysia juga telah merapatkan jurang dengan negara-negara OECD.

Peningkatan Tahap Literasi Kewangan di Malaysia

Skor Literasi Kewangan Dewasa OECD/INFE: Perbandingan Global




Tahap literasi kewangan terus meningkat dengan stabil
Jurang dengan negara-negara OECD telah mengecil pada tahun 2023

Sebelum pelaksanaan NS1.0, Malaysia berada dalam kuartil negara dengan tahap literasi kewangan paling rendah berdasarkan penilaian OECD/INFE

Pada tahun 2023, kedudukan Malaysia telah meningkat kepada kuartil kedua tertinggi, disumbangkan terutamanya oleh pengukuhan pengetahuan kewangan

Indeks MYFLIC



'Malaysia merupakan antara negara yang perlu memperkukuh pengetahuan kewangan...'

OECD/INFE International Survey of Adult Financial Literacy Competencies, 2016

Tahap pengetahuan kewangan rakyat Malaysia di peringkat antarabangsa adalah paling rendah pada tahun 2016, dan kedua terendah pada tahun 2020

Pada tahun 2023, tahap pengetahuan kewangan rakyat Malaysia telah menunjukkan kemajuan dan menghampiri purata antarabangsa, dengan sokongan usaha meningkatkan tahap literasi kewangan yang lebih terselaras dan berfokus menerusi Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan yang pertama

Sumber: OECD/INFE

Kemajuan ini mencerminkan dedikasi dan kerjasama erat antara para ahli dan rakan strategik FEN dalam merangka serta memperkukuh strategi literasi kewangan. Kerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan mendorong pelaksanaan program pendidikan, perkongsian sumber pendidikan dan inisiatif jangkauan.¹ Komitmen bersama ini membuktikan impak besar hasil kerjasama dalam mencapai matlamat literasi kewangan negara.

Evolusi Pendidikan Kewangan di Malaysia

Pendidikan kewangan sebagai komponen kurikulum sekolah

Pendidikan kewangan dimasukkan dalam semua peringkat kurikulum sekolah rasmi, bermula daripada peringkat prasekolah hingga peringkat menengah atas. Proses integrasi ini disempurnakan pada tahun 2021

Pengenalan Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Segi Permintaan yang pertama

Pengenalan kaji selidik merentas seksyen yang dijalankan setiap tiga tahun bagi memahami secara menyeluruh tahap literasi dan keupayaan kewangan rakyat Malaysia

2014

2015

Pengenalan Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019 – 2023 (NS1.0) yang pertama

Pelan hala tuju strategik telah diperkenalkan bagi menggariskan keutamaan penting dalam usaha meningkatkan literasi kewangan dan menyelaraskan pelaksanaan inisiatif di seluruh negara

Penubuhan Jaringan Pendidikan Kewangan (FEN)

Penubuhan platform antara agensi yang dianggotai oleh institusi dan agensi yang komited untuk menggalakkan literasi kewangan melalui pendekatan menyeluruh dan melibatkan seluruh negara

2019

2016

Pengenalan Kompetensi Teras Literasi Kewangan untuk Orang Dewasa Malaysia

Penyediaan panduan utama mengenai skop kemahiran literasi kewangan dalam merangka inisiatif pendidikan kewangan, dengan penekanan pada keberhasilan literasi kewangan yang dapat menyumbang kepada perubahan tingkah laku yang berkekalan

2021

2024

Pelaksanaan Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Segi Permintaan yang keempat

¹ Maklumat lanjut tentang inisiatif kerjasama utama ahli dan rakan strategik FEN boleh dibaca menerusi Bab 4 – Menjayakan Aspirasi: Pendekatan Pelaksanaan Strategi. ↗

Jurang Masih Wujud: Menyingkap Cabaran Semasa

Namun begitu, jurang yang ketara masih wujud. Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Segi Permintaan (Financial Capability and Inclusion Demand Side Survey, FCI)² yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) setiap tiga tahun menunjukkan bahawa meskipun pemilikan produk kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia semakin meningkat, tahap pemahaman terhadap pelbagai produk ini masih rendah, terutamanya apabila produk dan perkhidmatan yang ditawarkan menjadi semakin kompleks. Keadaan ini boleh menjejaskan penggunaan produk dan perkhidmatan kewangan secara optimum serta mengehadkan potensi manfaatnya yang berterusan kepada pengguna. Selain itu, pengetahuan kewangan yang lebih baik juga masih belum menghasilkan sepenuhnya perubahan sikap dan tingkah laku kewangan yang positif dan berkekalan. Tanpa perubahan dalam sikap dan tingkah laku, seperti perancangan jangka panjang yang lebih kukuh dan kawalan diri yang lebih teguh, manfaat pendidikan kewangan mungkin tidak berkekalan, sekali gus mendedahkan individu kepada tekanan kewangan pada masa hadapan. Pada masa yang sama, kebimbangan berhubung dengan persediaan persaraan turut meningkat, dengan 31% rakyat Malaysia menyatakan kebimbangan tentang keupayaan mereka untuk menampung perbelanjaan pada usia emas (2021: 27%).

Kesemua cabaran ini lebih ketara dalam kalangan segmen mudah terjejas yang utama. Sebagai contoh, golongan belia melaporkan beban hutang yang lebih tinggi, disebabkan terutamanya oleh pinjaman pelajaran, kredit kedai serta pinjaman daripada ahli keluarga dan rakan-rakan. Dalam kalangan mereka yang bergelut dengan hutang, isi rumah berpendapatan rendah dan pekerja gig juga lebih cenderung untuk tidak mendapatkan bantuan khidmat nasihat kewangan yang rasmi, sebaliknya bergantung pada rangkaian tidak rasmi. Situasi ini mendedahkan mereka terhadap risiko kewangan yang lebih besar dan maklumat kewangan yang tidak tepat, serta mengehadkan akses kepada sumber maklumat dan khidmat nasihat yang lebih selamat dan berstruktur.

Jurang Literasi Kewangan di Malaysia

Simpanan dan Pengurusan Perbelanjaan



31% rakyat Malaysia

masih tidak mempunyai wang yang mencukupi untuk keperluan asas

26% rakyat Malaysia

mengakui bahawa mereka sentiasa/kadangkala kehabisan wang disebabkan pendapatan yang tidak mencukupi atau tidak menentu serta kenaikan kos sara hidup

Dalam kalangan mereka yang kekurangan wang:

51%

mengurangkan perbelanjaan untuk menampung keperluan harian

42%

mengeluarkan wang daripada simpanan



Lebih separuh rakyat Malaysia mempunyai simpanan untuk masa hadapan, namun amalan menyimpan didapati semakin beransur-ansur kurang dari tahun ke tahun

² Kaji Selidik FCI merupakan kaji selidik merentas seksyen yang dijalankan oleh BNM setiap tiga tahun. Kaji selidik ini menilai tahap keupayaan kewangan rakyat Malaysia dengan mengukur tahap pengetahuan, tingkah laku dan sikap kewangan bagi mendapatkan skor gabungan yang dikenali sebagai Indeks MYFLIC. Maklumat lanjut mengenai Kaji Selidik FCI 2024 boleh dibaca melalui https://www.bnm.gov.my/documents/20124/17493532/ar2024_bm_box4.pdf/. ↗

Kesiapsiagaan Menghadapi Peristiwa
Kehidupan Luar Jangka

Sebanyak 6 daripada 10
rakyat Malaysia

tidak mampu menyediakan wang tunai
kecemasan sebanyak RM1,000

Hanya 37% rakyat Malaysia

mampu bertahan lebih daripada 3 bulan
sekiranya kehilangan punca pendapatan

Sebanyak 35% rakyat Malaysia

menunjukkan minat untuk
mempelajari tentang insurans
hayat/takaful keluarga
serta manfaatnya

Sebanyak 28%
rakyat Malaysia

memiliki perlindungan insurans
hayat/takaful keluarga



Keberhutangan

Sebanyak 26% rakyat Malaysia

berasa mereka mempunyai hutang
yang berlebihan

Tiga segmen teratas pengguna kredit dan
pengambilan hutang:

Belia: pinjaman pelajaran, kredit kedai
dan hutang dengan ahli keluarga serta
rakan-rakan

Pekerja gig: pinjaman kereta, pinjaman
perumahan dan hutang kad kredit

Penjawat awam: pinjaman kereta,
pinjaman peribadi dan skim
Beli Sekarang Bayar Kemudian
(Buy Now Pay Later)

Sebanyak 4 daripada 5
rakyat Malaysia

mendapatkan nasihat kewangan berkaitan
pengurusan hutang daripada ahli keluarga
dan kawan rapat



Sumber: Kaji Selidik FCI 2024

Perancangan Persaraan



Sebanyak 31% rakyat Malaysia

menyuarakan kebimbangan tentang
keupayaan mereka menampung perbelanjaan
pada usia emas

Kurang daripada separuh
rakyat Malaysia

yakin dengan perancangan kewangan mereka
bagi tujuan persaraan

Lebih separuh rakyat Malaysia

bergantung pada simpanan KWSP sebagai
sumber pendapatan utama bagi
tujuan persaraan

Dalam kalangan rakyat Malaysia
berusia 50 tahun ke atas, 40%

bergantung pada sokongan kewangan
daripada ahli keluarga (cth. anak-anak dan
pasangan) untuk kehidupan
selepas persaraan

Literasi Kewangan Digital

Sebanyak 92% rakyat Malaysia

menggunakan produk dan perkhidmatan
kewangan digital

Sebanyak 15% rakyat Malaysia

berkongsi kata laluan dan/atau nombor
pengenal peribadi (PIN) akaun bank dengan
kawan rapat

Sebanyak 18% rakyat Malaysia

masih berkongsi maklumat kewangan peribadi
secara terbuka dalam talian

Hanya 39% rakyat Malaysia

mengambil berat tentang keselamatan laman
sesawang sebelum membuat transaksi
dalam talian

Pada era digital ini, pengguna berdepan dengan cabaran baharu dalam menguruskan kewangan. Teknologi seperti kecerdasan buatan (*artificial intelligence*, AI) dan palsu tulen (*deepfake*) kini digunakan untuk menghasilkan bentuk penipuan dalam talian yang lebih realistik dan sukar dikesan. Golongan mudah terjejas khususnya mungkin bergelut untuk menguasai kemahiran digital yang diperlukan bagi menangani kesemua risiko ini. Walaupun teknologi dapat memudahkan urusan kewangan, sangat penting bagi pengguna untuk kekal berwaspada dan memiliki pengetahuan yang mencukupi bagi memastikan transaksi mereka selamat.

Selain itu, perkhidmatan kewangan digital (*digital financial services*, DFS) turut mengubah tabiat perbelanjaan pengguna. Secara tradisinya, pembayaran tunai melibatkan interaksi fizikal dan kesedaran terhadap aliran keluar wang. Sebaliknya, kaedah pembayaran digital menawarkan pengalaman yang lebih lancar dan tanpa halangan (*painless payment*), lantas menjadikan perbelanjaan secara impulsif lebih mudah tanpa kesan kewangan serta-merta. Meskipun lebih mudah, kaedah pembayaran sebegini serta skim Beli Sekarang Bayar Kemudian (Buy Now Pay Later, BNPL) boleh mendorong perbelanjaan berlebihan dan penangguhan pembayaran balik hutang, yang akhirnya mengakibatkan tekanan kewangan jangka panjang.

Kesan Fenomena *Painless Payment*

>30%


cenderung untuk
membuat pembelian
impulsif secara
dalam talian

37%

membeli barangan
dan perkhidmatan
yang tidak diperlukan
secara dalam talian

>20%

menganggap
e-dagang sebagai
satu **bentuk terapi**
beli-belah dan **cara**
mengendalikan emosi



Sumber: Kaji Selidik FCI 2024 dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Apabila kita mengambil kira persekitaran ekonomi yang lebih luas, khususnya dalam persekitaran makroekonomi yang mencabar pada masa kini, segmen mudah terjejas seperti golongan belia dan golongan yang berpendapatan tidak tetap atau terhad menanggung beban yang lebih besar memandangkan kenaikan kos sara hidup ada masanya mengatasi pertumbuhan pendapatan. Keadaan ini menyukarkan individu, termasuk yang celik kewangan sekali pun, untuk mengaplikasikan pengetahuan mereka secara berkesan. Maka, pendapatan yang rendah atau terhad masih kekal sebagai halangan struktur utama kepada kemajuan literasi kewangan secara menyeluruh di Malaysia. Isu ini dibuktikan menerusi penurunan skor MYFLIC bagi kumpulan berpendapatan rendah, manakala kumpulan berpendapatan sederhana dan tinggi mencatatkan skor yang melebihi purata kebangsaan.

Skor MYFLIC Mengikut Pendapatan Isi Rumah

	MYFLIC		Pengetahuan		Tingkah Laku		Sikap	
	2021	2024	2021	2024	2021	2024	2021	2024
Keseluruhan	59.0	59.1	60.2	62.9	61.9	59.9	54.7	54.4
Pendapatan rendah	57.8	56.7	56.5	59.1	60.7	57.4	54.4	53.5
Pendapatan sederhana	59.8	60.4	61.3	65.3	63.9	61.1	54.4	54.8
Pendapatan tinggi	60.5	63.0	63.9	68.8	63.3	64.1	54.5	56.1

Sumber: Kaji Selidik FCI 2024

Trend Baharu yang Membentuk Masa Depan Literasi Kewangan

Seiring dengan perubahan masa, beberapa trend baharu sedang membentuk semula landskap literasi kewangan. Perkembangan ini telah mengubah cara rakyat Malaysia menguruskan dan membelanjakan wang mereka, sekali gus mewujudkan keperluan baharu terhadap pendidikan kewangan yang selari dengan keutamaan serta risiko yang semakin kompleks. Maka, usaha memperkukuh literasi kewangan perlu dilaksanakan secara proaktif bagi menangani kesemua trend ini, seterusnya membantu rakyat Malaysia menyesuaikan diri dan membuat keputusan kewangan yang bijak dalam persekitaran yang pantas berubah.

Trend Baharu yang Membentuk Landskap Literasi Kewangan



Perkembangan baharu dalam perkhidmatan kewangan

Permintaan yang meningkat untuk penyelesaian kewangan yang lebih disesuaikan, saksama dan mesra alam sekitar



Penjajaran dengan keutamaan negara dan matlamat pembangunan yang lebih luas

Tumpuan yang lebih besar terhadap sumbangan untuk mencapai matlamat Pelan Sektor Kewangan dan Matlamat Pembangunan Mampan melalui pemahaman tentang cara perkhidmatan kewangan meningkatkan kualiti hidup dan mata pencarian, serta kesan keputusan kewangan terhadap kesejahteraan sosial dan alam sekitar, bagi menggalakkan pilihan kewangan yang lebih beretika dan bertanggungjawab



Impak persekitaran yang ketara tidak menentu

Ketidaktentuan yang semakin ketara (seperti globalisasi, ketegangan geopolitik dan pandemik) menyumbang kepada tekanan dan kebimbangan kewangan, yang sering mengakibatkan keputusan kurang strategik yang menjejaskan kestabilan dan kesejahteraan jangka panjang



Perkembangan baharu dalam perkhidmatan kewangan

Kebangkitan generasi digital, seiring dengan kemajuan pesat dalam analisis data dan AI, sedang mendorong permintaan terhadap perkhidmatan kewangan yang lebih disesuaikan untuk menepati kehendak pengguna. Lebih banyak pengguna yang serba tahu mengenai digital, terutamanya dalam kalangan generasi muda, mengharap tawaran produk dan perkhidmatan kewangan yang lancar dan dikhususkan mengikut keperluan dan kehendak mereka yang tersendiri.

Perubahan demografi, termasuk populasi yang semakin berusia dan kesedaran yang semakin meningkat tentang keperluan peluang yang sama rata antara wanita dengan lelaki, menyerlahkan kepentingan sumber literasi kewangan yang lebih inklusif dan bersasar untuk menyokong perancangan kewangan jangka panjang serta menggalakkan kebebasan kewangan. Tambahan pula, kesedaran yang semakin meningkat tentang perubahan iklim mendorong pengguna untuk membuat pilihan yang bertanggungjawab dari segi kewangan dan alam sekitar. Menurut Kaji Selidik FCI 2024, lebih separuh daripada rakyat Malaysia menyuarakan kebimbangan terhadap implikasi perubahan iklim. Perkembangan ini membuka peluang untuk memperkukuh literasi kewangan yang bukan sahaja inklusif, malah peka terhadap nilai-nilai masyarakat yang sedang berkembang.

Penjajaran dengan keutamaan negara dan matlamat pembangunan yang lebih luas

Pemeriksaan literasi kewangan sangat penting untuk memajukan keutamaan pembangunan negara. Langkah ini merangkumi usaha menyokong rancangan pembangunan negara dengan memastikan rakyat Malaysia memiliki keupayaan kewangan untuk mengambil bahagian secara bermakna dan menikmati manfaat pertumbuhan ekonomi secara adil. Usaha ini juga sejajar dengan Pelan Sektor Kewangan 2022–2026 yang memberikan tumpuan kepada membentuk pengguna kewangan yang yakin dan berkemampuan untuk menguruskan masa depan kewangan mereka.

Selain itu, literasi kewangan merupakan penggerak penting dalam kemajuan Malaysia ke arah mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals, SDG). Literasi kewangan menyokong 10 daripada 17 matlamat tersebut, termasuk yang berkaitan dengan pengurangan kemiskinan, peluang saksama dan penggunaan bertanggungjawab. Dengan memperkasakan individu untuk memahami kesan keputusan kewangan mereka daripada aspek kelestarian dan etika, literasi kewangan dapat mendorong pilihan bertanggungjawab yang mendukung kesejahteraan diri serta pertumbuhan negara yang mampan.

Impak persekitaran yang ketara tidak menentu

Peristiwa global seperti globalisasi, perang dan pertikaian perdagangan, ketegangan geopolitik serta pandemik COVID-19 telah mewujudkan persekitaran yang semakin tidak menentu. Situasi ini menimbulkan risiko kehilangan pekerjaan, meningkatkan cabaran perniagaan dan tekanan kerja serta menyumbang kepada ketidaktentuan kewangan bagi individu. Keadaan sebegini boleh menyebabkan tekanan dan kebimbangan, lantas sering mendorong tingkah laku kewangan jangka pendek dan bersifat reaktif yang berisiko menjejaskan kesejahteraan kewangan jangka panjang. Literasi kewangan membantu individu menangani tekanan ini dengan lebih yakin dan jelas, melalui kemahiran dan pengetahuan untuk membuat keputusan yang bijak dan berasaskan maklumat demi kestabilan jangka depan.



Mengorak Langkah: Strategi Kebangsaan bagi Pemerkasaan Kewangan yang Inklusif

NS2.0 meneruskan perjalanan yang dimulakan pada tahun 2019, dengan memperkukuh literasi kewangan sebagai instrumen penting untuk membina daya tahan dan kesejahteraan kewangan. Strategi ini bertujuan mewujudkan rangka kerja yang inklusif dan fleksibel serta berasaskan pencapaian terdahulu, menangani jurang yang masih wujud dan bertindak balas terhadap cabaran baharu. Pada terasnya, terdapat lima Fokus Strategik yang memberikan tumpuan pada usaha memperkasakan rakyat Malaysia untuk membuat perancangan jangka panjang yang bijak, menguruskan hutang secara bertanggungjawab, memastikan masa depan kewangan yang selamat melalui perlindungan risiko, menggunakan perkhidmatan kewangan digital dengan yakin dan selamat, serta membina kekayaan melalui pelaburan yang berasaskan maklumat. Keutamaan ini merangkumi bidang mustahak dalam kemajuan literasi kewangan dan akan dihuraikan dengan lebih terperinci dalam Bab 3: Asas Perubahan: Strategi Kebangsaan 2026 – 2030.

Selaras dengan kesemua Fokus Strategik ini, NS2.0 menetapkan sasaran yang jelas dan bercita-cita tinggi untuk dicapai menjelang tahun 2030.³ Kesemua sasaran ini mencerminkan komitmen terhadap kemajuan yang lebih seimbang merangkumi tiga komponen utama dalam literasi kewangan, iaitu pengetahuan, tingkah laku dan sikap, di samping berusaha untuk memperkukuh kedudukan Malaysia dalam penanda aras global seperti kedudukan dalam Skor Literasi Kewangan Dewasa OECD/INFE. Yang penting, sasaran ini berfungsi sebagai matlamat bersama bagi semua pihak berkepentingan merentasi pelbagai sektor untuk menyelaraskan usaha dan mengukur impak secara kolektif.

Usaha untuk merealisasikan sasaran ini tidak terlepas daripada pelbagai cabaran, seperti kenaikan kos sara hidup, jurang pendapatan dan ketidakpastian ekonomi. Faktor-faktor ini boleh menjejaskan kemajuan yang dicapai. Menangani realiti ini memerlukan lebih daripada sekadar pendidikan kewangan. Pengukuhan daya tahan dan kesejahteraan kewangan secara menyeluruh memerlukan kerjasama erat antara sektor awam dengan sektor swasta bagi mengatasi halangan sistemik yang lebih luas dan memastikan tiada sesiapa yang tercicir.

Penunjuk Utama dan Sasaran bagi Tahun 2030

	Garis Asas (2024)	Sasaran (2030)
Literasi kewangan keseluruhan		
Skor Literasi Kewangan Dewasa OECD/INFE <i>Menilai tahap literasi kewangan dalam kalangan orang dewasa merentasi pelbagai negara, serta membantu dalam memahami secara menyeluruh tahap literasi kewangan mengikut rantau dan konteks ekonomi yang berbeza</i>	Kuartil kedua tertinggi dalam kedudukan OECD/INFE	Meningkat ke kuartil tertinggi dalam kedudukan OECD/INFE
Indeks Celik dan Keupayaan Kewangan Malaysia (MYFLIC) <i>Dirangka berdasarkan Kaji Selidik FCI, serta menilai tahap keupayaan kewangan rakyat Malaysia yang meliputi komponen pengetahuan, tingkah laku dan sikap kewangan</i>	59.1	≥65
Fokus Strategik 1: Menggalakkan perancangan kewangan yang berhemat dan persediaan untuk persaraan		
% rakyat Malaysia yang mengutamakan perancangan kewangan jangka panjang berbanding kepuasan/kehendak jangka pendek	49.8	≥60
% rakyat Malaysia yang bimbang mengenai keupayaan menampung perbelanjaan semasa usia emas	31	≤20
% rakyat Malaysia yang mengamalkan perancangan kewangan awal untuk perbelanjaan yang telah dijangka	Penunjuk baharu; sasaran akan ditetapkan pada tahun 2027	
Fokus Strategik 2: Memupuk pengurusan hutang yang bijak dan bertanggungjawab		
% rakyat Malaysia yang berasa mereka menanggung hutang yang berlebihan	26	≤15
% peminjam isi rumah dengan nisbah khidmat hutang (<i>debt service ratio</i> , DSR) ≥60% ⁴	20.5	≤20
Fokus Strategik 3: Menjamin masa depan kewangan dengan langkah perlindungan risiko		
% rakyat Malaysia yang mampu menampung perbelanjaan sara hidup (sekurang-kurangnya selama tiga bulan) apabila berdepan dengan peristiwa tidak dijangka	37	≥45
% rakyat Malaysia yang menghadapi kesukaran untuk menyediakan dana kecemasan sebanyak RM1,000	61	≤45
Indeks mengenai produk dan perkhidmatan kewangan adalah mencukupi, boleh dipercayai dan mudah difahami	53.6	≥65
Fokus Strategik 4: Menggalakkan penggunaan perkhidmatan kewangan digital secara selamat, yakin dan bermakna		
Indeks literasi kewangan digital	42.2	≥55
% rakyat Malaysia yang berkongsi kata laluan dan/atau PIN akaun bank dengan kawan rapat	15	≤10
% rakyat Malaysia yang memberikan perhatian pada keselamatan laman sesawang sebelum membuat transaksi dalam talian	39	≥60
Fokus Strategik 5: Mendorong pelaburan bagi menjana kekayaan		
Indeks literasi pasaran modal	Penunjuk baharu; sasaran akan ditetapkan pada tahun 2027	

Sumber: OECD/INFE 2023, Kaji Selidik FCI 2024 dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

⁴ Paras ambang DSR 60% lazimnya digunakan sebagai peraturan ikut kebiasaan untuk mengenal pasti peminjam yang mempunyai komitmen hutang yang tinggi. Ukuran ini mencerminkan peratusan pendapatan peminjam yang digunakan untuk membayar balik hutang.

³ Rujuk halaman 15 untuk maklumat lanjut mengenai Penunjuk Utama dan Sasaran bagi tahun 2030. [↗](#)

Bab 02

Suara Komuniti, Arah Masa Depan: Kepentingan Libat Urus Awam

Pihak yang Terlibat dan Kepentingan Peranan Mereka [↗](#)

Perkongsian daripada Pihak Berkepentingan [↗](#)

Pendekatan FEN [↗](#)

Mulai bulan April hingga September 2024, FEN telah melaksanakan sesi libat urus yang menyeluruh bersama pihak berkepentingan di seluruh negara untuk mengumpulkan maklum balas dan buah fikiran rakyat Malaysia. Tujuan sesi ini adalah untuk mendapatkan pelbagai perspektif bagi menghasilkan makluman mengenai pembangunan NS2.0. Melalui siri tinjauan secara bersemuka dan dalam talian yang melibatkan lebih 2,600 peserta, FEN berusaha untuk mengenal pasti kebimbangan utama serta meneroka kaedah penambahbaikan. Bab ini mengetengahkan pandangan peringkat akar umbi yang dihimpunkan daripada segenap lapisan masyarakat. Pengalaman kehidupan sebenar rakyat Malaysia menjadi asas perumusan NS2.0, sekali gus menegaskan kepentingan libat urus awam dalam merangka inisiatif literasi kewangan yang selari dengan keperluan dan aspirasi negara.

Pihak yang Terlibat dan Kepentingan Peranan Mereka

Para peserta tinjauan ini mewakili pelbagai kumpulan pihak berkepentingan utama termasuk Kementerian, agensi kerajaan, peserta industri kewangan,⁵ pengantara pasaran modal,⁶ perusahaan sosial, pertubuhan bukan kerajaan (*non-governmental organisations*, NGO) dan orang awam. Setiap pihak berkepentingan ni memainkan peranan penting dalam membentuk landskap literasi kewangan, lantas menjadikan sumbangan mereka amat penting bagi pembangunan NS2.0.

Pihak Berkepentingan Utama



Kementerian dan Agensi Kerajaan

- Penting untuk merumus dasar dan melaksanakan program pendidikan kewangan pada peringkat kebangsaan, bagi memastikan penjajaran dengan dasar dan undang-undang negara
- Menerusi akses langsung yang dimiliki kepada orang awam dan pihak berkuasa yang berkaitan, mereka boleh mewajibkan dan menyepadukan literasi kewangan ke dalam pelbagai perkhidmatan awam dan sistem pendidikan



Industri Kewangan

- Penyedia perkhidmatan kewangan menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan yang perlu kepada pengguna
- Penglibatan penyedia perkhidmatan kewangan memastikan inisiatif literasi kewangan mencerminkan keadaan sebenar pasaran kewangan serta menyediakan masyarakat dengan pengetahuan untuk menguruskan produk kewangan dan strategi pelaburan secara berkesan



Perusahaan Sosial dan NGO

- Kumpulan ini bekerjasama rapat dengan golongan mudah terjejas dan memainkan peranan penting dalam mendekati segmen masyarakat yang sering terpinggir daripada inisiatif arus perdana
- Hubungan akar umbi yang mereka bina amat penting bagi pelaksanaan program pendidikan kewangan yang disesuaikan dengan keperluan khusus setiap komuniti



Orang Awam

- Masyarakat secara umum, termasuk golongan khusus seperti pelajar sekolah, belia, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan, merupakan penerima manfaat utama usaha literasi kewangan
- Memahami keperluan dan cabaran mereka adalah sangat penting untuk merangka program yang berimpak untuk meningkatkan kesejahteraan kewangan

⁵ Merujuk Bank Perdagangan dan Islam, Institusi Kewangan Pembangunan, Bank Digital, Pengendali Sistem Pembayaran, Syarikat Insurans dan Pengendali Takaful.

⁶ Merangkumi Bank Pelaburan, Syarikat Pengurusan Dana dan Syarikat Perancangan Kewangan.

Perkongsian daripada Pihak Berkepentingan

Maklum balas yang diterima daripada pelbagai pihak berkepentingan telah menyerlahkan pelbagai aspek kritikal dalam landskap literasi kewangan Malaysia, sekali gus mendedahkan cabaran serta peluang pertumbuhan. Secara khususnya, maklum balas yang diterima menekankan keperluan pendekatan yang terselaras dan bersepadu dalam merangka NS2.0. Pandangan bernilai daripada para pihak berkepentingan ini menyediakan hala tuju yang memandu usaha selanjutnya untuk memberikan tumpuan pada bidang pembangunan utama serta menangani jurang sedia ada dengan penyelesaian yang disesuaikan, ke arah menerapkan masyarakat Malaysia yang lebih diperkasakan daripada aspek celik kewangan.

Cabaran Utama yang Dihadapi oleh Pihak Berkepentingan



Tahap literasi kewangan yang rendah berikutan kelemahan kewangan yang berlarutan

Tahap literasi kewangan yang rendah dikenal pasti oleh pelbagai pihak berkepentingan sebagai faktor utama yang sering menjejaskan keupayaan individu untuk merancang kewangan jangka panjang dan membina daya tahan kewangan dalam menghadapi situasi luar jangka. Keadaan ini diburukkan lagi oleh kelemahan kewangan yang signifikan seperti kenaikan kos sara hidup, pendapatan yang rendah dan tidak menentu serta simpanan yang tidak mencukupi, sekali gus menjejaskan keupayaan isi rumah untuk menghadapi kejutan kewangan.



Tahap kesedaran yang rendah tentang FEN dan inisiatifnya

Lebih 80% responden melaporkan bahawa mereka tidak mengetahui tentang FEN dan NS1.0, sekali gus menekankan keperluan mendesak untuk meningkatkan kesedaran orang ramai dan menggalakkan penyertaan mereka dalam program pendidikan kewangan.



Ketidaksepadanan antara mandat dengan bidang kuasa

Penyelarasan program pendidikan kewangan dengan mandat sedia ada adalah sangat penting bagi memastikan pelaksanaan program yang berkesan. Namun begitu, walaupun 78% penyedia perkhidmatan kewangan mempunyai mandat untuk melaksanakan program pendidikan kewangan, banyak yang melaksanakannya sebagai sebahagian daripada aktiviti tanggungjawab sosial korporat atau usaha penjenamaan, tanpa menetapkan matlamat yang jelas untuk meningkatkan tahap literasi kewangan atau memastikan penajajaran dengan Strategi Kebangsaan. Sementara itu, 37% responden daripada Kementerian dan agensi menyatakan bahawa pendidikan kewangan termasuk dalam mandat mereka, namun pelaksanaan program pendidikan kewangan sering tidak berlaku disebabkan oleh tahap penyertaan yang rendah.



Peningkatan insiden penipuan kewangan

Penipuan kewangan yang semakin berleluasa kini menjadi ancaman serius kepada individu, mendedahkan mereka kepada skim penipuan yang boleh mengakibatkan kerugian kewangan yang besar. Pada masa ini, penipuan dalam talian berlaku tanpa henti mewujudkan kekeliruan apabila individu bergelut untuk membezakan antara maklumat yang sah dengan yang palsu. Penggunaan platform dan teknologi digital yang semakin meluas telah membuka ruang kepada penipuan kewangan yang lebih kompleks dan berleluasa. Fenomena ini bukan sahaja meningkatkan risiko kerugian kewangan, malah turut menggugat keyakinan orang ramai terhadap keselamatan transaksi dalam talian, dan seterusnya semakin menyukarkan individu untuk membuat keputusan kewangan yang bijak dan berhemat.



Tahap penggunaan bahan pengajaran yang disediakan masih rendah

Meskipun Kementerian Pendidikan dan institusi kewangan telah menyediakan pelbagai bahan sokongan untuk membantu guru menerapkan elemen pendidikan kewangan dalam pengajaran harian, namun tahap penggunaannya masih rendah. Bahan-bahan yang sedia ada ini masih belum dimanfaatkan sepenuhnya, belum melalui penilaian menyeluruh dan perlu disemak bagi memastikan kandungannya kekal relevan. Cabaran utama terhadap penggunaan bahan pengajaran ini secara berkesan ialah ketiadaan pembinaan keupayaan berstruktur untuk para guru.



Beban kos menghadkan akses kepada pendidikan kewangan

Sebanyak 33% responden daripada segmen yang kurang mendapat perkhidmatan menyatakan bahawa kos yang perlu ditanggung, termasuk yuran program dan perbelanjaan sendiri, menjadi penghalang untuk mereka menyertai program pendidikan kewangan dan mengakses sumber berkaitan.

Senarai Aspirasi Pihak Berkepentingan



Penyampaian dan jangkauan yang mudah diakses dan inklusif

Pendidikan kewangan perlu dapat diakses oleh individu daripada semua lapisan masyarakat, termasuk komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan dan golongan kurang upaya. Mencapai aspirasi ini memerlukan gabungan alat digital yang inovatif dan inisiatif secara bersemuka. Walaupun platform digital menawarkan cara baharu dan inovatif untuk meluaskan jangkauan dengan kos yang lebih berpatutan dan secara berkesan, pembelajaran fizikal dan program jelajah tetap penting bagi komuniti dengan liputan Internet yang terhad. Lebih banyak kempen kesedaran berfokus tentang FEN, NS2.0, dan inisiatif yang tersedia juga diperlukan, terutamanya untuk pendudukan segmen yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan seperti perusahaan sosial, NGO dan orang awam.



Pengalaman pembelajaran yang disesuaikan dan menarik

Pihak kepentingan menekankan keperluan untuk kandungan pendidikan yang disesuaikan yang mencerminkan keperluan dan aspirasi kewangan khusus bagi kumpulan demografi yang pelbagai. Bahan umum sering kali tidak mencukupi; contoh kehidupan sebenar, bahasa yang mudah serta elemen interaktif seperti kajian kes, permainan dan perbincangan kumpulan adalah penting untuk meningkatkan penglibatan. Sebagai contoh, program pendidikan kewangan seharusnya menekankan kos sebenar akibat keputusan kewangan yang tidak berhemat untuk menegaskan kepentingan amalan kewangan yang baik dan kemahiran membuat keputusan yang bijak. Sokongan yang disesuaikan, seperti bimbingan perniagaan untuk usahawan mikro, juga dapat mempertingkatkan pembelajaran dan memperkasakan individu untuk menggunakan pengetahuan kewangan secara praktikal.



Panduan kewangan yang selaras dengan keperluan semasa dan praktikal

Pendidikan kewangan tepat pada masanya yang disampaikan pada saat keputusan penting (contohnya, sebelum mendapatkan sumber kewangan untuk membeli kereta atau rumah) dapat mendorong pertimbangan yang lebih teliti dan pengambilan keputusan yang lebih bijak. Dorongan yang tepat pada masanya dan konsisten juga membantu perancangan kewangan jangka pendek yang lebih baik, seperti menguruskan pembayaran kad kredit dan menyediakan simpanan kecemasan.



Kerjasama strategik dan insentif

Kerjasama yang lebih kukuh antara Kementerian, agensi, penyedia perkhidmatan kewangan dan pertubuhan komuniti dapat lebih memudahkan pengumpulan sumber dan kepakaran untuk memperluas jangkauan serta menguatkan lagi impak inisiatif literasi kewangan merentasi seluruh komuniti. Pihak berkepentingan juga boleh bekerjasama untuk mewujudkan insentif yang bermakna bagi menghargai tingkah laku kewangan positif, seperti simpanan sepadan dan mata ganjaran untuk pencapaian penting kewangan seperti penyelesaian hutang atau apabila menamatkan kursus kewangan. Insentif sebegini membantu mengukuhkan pelajaran pendidikan kewangan dan mendorong individu untuk mengamalkan tabiat yang menyokong kesejahteraan kewangan jangka panjang.



Pengukuran dan penilaian impak yang berterusan

Penyepaduan amalan pengukuran dan penilaian ke dalam budaya organisasi adalah penting untuk meneliti kemajuan, mengenal pasti penambahbaikan serta menyesuaikan program literasi kewangan berdasarkan analisis yang menyeluruh dan berasaskan bukti, bagi memastikan program kekal berkesan dan relevan.



Pemeriksaan dan kerjasama literasi kewangan melalui bimbingan rakan komuniti

Hampir separuh daripada responden dari komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan lebih gemar menimba ilmu literasi kewangan daripada rakan komuniti mereka. Pembelajaran sesama rakan dalam komuniti yang dikenali ini membina kepercayaan, lantas memudahkan lagi individu tersebut untuk membincangkan hal ehwal kewangan yang sensitif dan mendapatkan nasihat. Memandangkan pendidikan secara tradisional sering tidak dapat diakses oleh kumpulan ini, pembelajaran yang dibantu oleh rakan komuniti membolehkan mereka belajar daripada pengalaman kewangan sebenar individu lain, tip-tip yang praktikal, serta strategi kewangan yang khusus untuk komuniti masing-masing.

Pendekatan FEN

Kejayaan NS2.0 bergantung pada kerjasama dinamik dengan pelbagai pihak berkepentingan. Dengan menangani cabaran yang dikenal pasti semasa sesi libat urus dan memanfaatkan kekuatan tersendiri setiap pihak berkepentingan yang terlibat, NS2.0 bersedia untuk terus meningkatkan tahap literasi, daya tahan dan kesejahteraan kewangan rakyat Malaysia.

Hasil maklum balas dan cadangan daripada pihak berkepentingan, gambar rajah di bawah menggariskan langkah-langkah jelas yang dapat dilaksanakan untuk merangka NS2.0 yang menyeluruh, dengan penegasan terhadap aspek kerjasama yang lebih kukuh, program pendidikan bersasar dan penilaian berterusan bagi memastikan kesan positif yang mampan. Penyesuaian berperingkat terhadap dasar sedia ada, yang memberikan tumpuan kepada peralihan penting dalam kehidupan, mampu mempertingkatkan usaha literasi kewangan negara secara praktikal dan menyeluruh. Kerjasama antara kerajaan, institusi pendidikan dan sektor swasta merupakan faktor utama untuk merealisasikan kesemua gagasan ini. Usaha bersama ini dapat memastikan lebih ramai rakyat Malaysia memperoleh kemahiran kewangan yang diperlukan untuk berjaya.

Tindakan yang Boleh Diambil untuk Merangka NS2.0 yang Menyeluruh

 Memfaatkan Kepakaran Pihak Berkepentingan	Menjalinkan kerjasama dengan rakan strategik: Memperkukuh hubungan dengan pihak berkepentingan yang berpengaruh dan komited, yang berupaya mempertingkatkan keberkesanan pelaksanaan program melalui pembentukan hala tuju dasar serta menyediakan sokongan strategik Mendidik orang awam melalui penyedia perkhidmatan kewangan: Penyedia perkhidmatan kewangan digalakkan untuk mengembangkan program literasi kewangan melebihi usaha tanggungjawab sosial korporat semata-mata, dengan memastikan capaian yang boleh diukur, lebih meluas dan lebih bersasar
 Penjenamaan dan Komunikasi	Promosi dan kempen kesedaran: Meningkatkan kesedaran orang ramai tentang FEN dan inisiatifnya. Usaha ini boleh melibatkan program jangkaun yang lebih bersifat setempat serta kempen digital bagi memastikan kesedaran dan penyertaan yang lebih meluas Sokongan untuk kesedaran tentang penipuan kewangan: Mewujudkan kempen bersasar untuk mendidik orang ramai tentang cara mengenal pasti dan mengelakkan penipuan kewangan, dengan penekanan khusus pada keselamatan kewangan dalam talian dan digital
 Memantapkan Program Pendidikan Kewangan	Menyediakan pendidikan kewangan pada masa yang tepat dengan kandungan disesuaikan dan elemen interaktif, terutamanya melalui penyedia perkhidmatan kewangan dan platform perdagangan digital. Menawarkan sokongan khusus bagi meningkatkan keberkesanan program pendidikan kewangan Menerapkan pendidikan kewangan pada fasa penting kehidupan (contohnya, ketika mula bekerja, semasa kenaikan gaji dan sebelum berkahwin) dengan menyediakan pembelajaran yang tepat pada masanya, relevan dan disesuaikan khusus mengikut keadaan supaya lebih berkesan Dengan menerapkan insentif dan ganjaran untuk tingkah laku kewangan yang baik, iaitu menyepadukan insentif dan ganjaran secara terancang (contohnya, sebelum menyalurkan biasiswa atau pinjaman pelajaran kepada pelajar tahun akhir), inisiatif pendidikan kewangan dapat meningkatkan penglibatan, mengukuhkan tingkah laku positif dan menyumbang kepada kesejahteraan kewangan yang lebih baik
 Pemantauan dan Penilaian Berterusan	Mekanisme maklum balas: Menetapkan saluran maklum balas secara berkala bersama pihak berkepentingan, termasuk Kementerian, penyedia perkhidmatan kewangan, perusahaan sosial, NGO dan orang awam, bagi menilai keberkesanan inisiatif NS2.0 secara berterusan dan membuat penambahbaikan yang sewajarnya. Langkah ini bagi memastikan Strategi Kebangsaan terus selari dengan keperluan semasa dan berimpak

Merangka NS2.0 yang menyeluruh

Bab

03

Pemacu Perubahan: Strategi Kebangsaan 2026 - 2030

[Visi, Misi dan Objektif Utama](#)

[Segmen Sasaran](#)

[Fokus Strategik](#)

[Pemacu Utama](#)

[Sudut Pandang Menyeluruh](#)

Perumusan NS2.0 dibuat berasaskan rangka kerja yang jelas dan bersepadu yang dibentuk untuk memacu kemajuan yang bermakna bagi literasi kewangan. Bab ini menghuraikan komponen asas Strategi Kebangsaan yang menetapkan hala tuju secara kolektif. Gabungan kesemua komponen ini membentuk rangka kerja untuk memperkasakan pendidikan kewangan dan memupuk kesejahteraan kewangan rakyat Malaysia merentasi segenap peringkat kehidupan.

Strategi Kebangsaan 2026 - 2030

Visi

Rakyat Malaysia yang memiliki **keupayaan kewangan yang kukuh** untuk mencapai **daya tahan dan kesejahteraan kewangan** demi masa depan yang **terjamin, inklusif dan mampan**

Misi

Melahirkan masyarakat Malaysia yang celik dan berdaya tahan kewangan melalui pendidikan kewangan yang inklusif, dinamik, inovatif dan disasarkan dengan baik, yang dilaksanakan secara berterusan melalui pendekatan seluruh negara bagi memupuk budaya membuat keputusan kewangan berpandukan maklumat dan pertimbangan wajar

Objektif Utama



Mempertingkatkan tahap literasi kewangan yang membolehkan pengguna membuat keputusan kewangan berpandukan maklumat serta bersesuaian dengan keperluan kewangan mereka



Memperkuh literasi kewangan digital agar pengguna dapat menyertai ekonomi digital secara bermakna dan selamat



Mempertingkatkan rangkuman kewangan melalui akses yang saksama dan bermakna kepada sumber dan perkhidmatan kewangan



Menambah baik daya tahan dan kesejahteraan kewangan dengan memastikan pengguna menguruskan kewangan secara berkesan untuk menghadapi kejutan, memenuhi keperluan semasa dan mencapai matlamat masa hadapan

Fokus Strategik (Strategic Priorities, SP)

SP1

Menggalakkan perancangan kewangan yang berhemat dan persediaan untuk persaraan

SP2

Memupuk pengurusan hutang yang bijak dan bertanggungjawab

SP3

Menjamin masa depan kewangan dengan langkah perlindungan risiko

SP4

Menggalakkan penggunaan perkhidmatan kewangan digital secara selamat, yakin dan bermakna

SP5

Mendorong pelaburan bagi menjana kekayaan

Hasil

Rakyat Malaysia memahami dan mengamalkan pengurusan wang harian serta perancangan kewangan jangka panjang merentas semua peringkat kehidupan, bagi memastikan simpanan dan harta persendirian yang mencukupi. Hal ini membolehkan mereka mencapai kebebasan, daya tahan dan kelestarian kewangan, termasuk semasa persaraan

Rakyat Malaysia mempunyai tahap kesedaran yang tinggi berkenaan amalan meminjam secara bertanggungjawab serta strategi pengurusan hutang yang berkesan, ke arah menghasilkan skor kredit yang lebih baik

Rakyat Malaysia melindungi pendapatan, simpanan dan aset mereka daripada kejutan kewangan melalui pengurusan risiko kewangan peribadi dan strategi perlindungan yang menyeluruh, termasuk simpanan untuk masa kecemasan serta insurans/takaful, bagi meningkatkan daya tahan kewangan

Rakyat Malaysia dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk meraih peluang dan menguruskan risiko dalam ekonomi digital secara strategik, selamat dan yakin, seterusnya membuat pilihan kewangan yang lebih baik dan meningkatkan kualiti hidup

Rakyat Malaysia mempunyai pengetahuan dan keyakinan untuk membuat keputusan pelaburan berpandukan maklumat, dengan memanfaatkan platform tradisional dan digital, bagi menggalakkan penjana kekayaan dan keselamatan kewangan jangka panjang

Segmen Sasaran

Semua peringkat umur, dengan tumpuan pada golongan mudah terjejas



Kanak-kanak
(5 - 9 tahun)



Remaja
(10 - 14 tahun)



Belia
(15 - 30 tahun)



Dewasa
(31 - 59 tahun)



Warga emas
(>60 tahun)

Sudut Pandangan Menyeluruh



Keseksamaan jantina



Kesihatan mental



Kesedaran tentang iklim



Kepelbagaian ekonomi dan budaya

Pemacu Utama



Rangka kerja penyelidikan yang kukuh dan kepimpinan pemikiran



Memperkuh kemudahan infrastruktur dan perkongsian data yang terjamin



Komitmen yang berkesan antara sektor awam dengan swasta

Pemantauan dan Penilaian

Rangka kerja pemantauan dan penilaian yang berstruktur dan sistematik bagi membolehkan keputusan dibuat berasaskan data, memastikan penambahbaikan yang berterusan, serta memperkuh akauntabiliti

Visi, Misi dan Objektif Utama

Visi

Strategi Kebangsaan ini bertujuan untuk memperkasakan rakyat Malaysia dengan keupayaan kewangan yang kukuh bagi membolehkan mereka membuat keputusan kewangan yang bijak, mengakses serta menggunakan produk dan perkhidmatan kewangan dengan yakin, serta mengambil bahagian sewajarnya dalam sistem kewangan. Pengetahuan dan keupayaan yang tepat membolehkan rakyat Malaysia lebih bersedia untuk menguruskan komitmen kewangan harian, melindungi diri daripada risiko, serta mencapai matlamat kewangan jangka panjang yang dapat memperbaiki kehidupan dan meningkatkan kesejahteraan komuniti mereka. Bagi komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan, literasi kewangan berpotensi menjadi pemangkin perubahan untuk mengatasi halangan dalam mendapatkan akses, membina keyakinan terhadap sistem kewangan serta mencipta laluan untuk jaminan dan peluang kewangan yang lebih besar.

Visi ini mengiktiraf bahawa literasi kewangan ialah kemahiran hidup yang asas dan penggerak penting rangkuman kewangan. Kemajuan ekonomi akan bermakna apabila setiap rakyat Malaysia arif tentang cara membina, melindungi dan meningkatkan kekayaan masing-masing. Dengan menerapkan literasi kewangan secara mendalam dan saksama merentas segenap lapisan masyarakat, Strategi Kebangsaan bermatlamat untuk memupuk masa depan yang lebih terjamin, inklusif dan mampan bagi semua rakyat Malaysia.

Misi

Strategi Kebangsaan ini menetapkan pelaksanaan rangka kerja yang komprehensif untuk menyediakan alat dan sumber **pendidikan kewangan yang inklusif, inovatif, dinamik dan disasarkan dengan baik** kepada semua segmen masyarakat melalui pendekatan seluruh negara. Usaha ini memupuk budaya membuat keputusan kewangan yang berasaskan maklumat dan rasional, sekali gus menyumbang kepada ekonomi yang berdaya tahan, saksama dan mampan.

Prinsip Umum untuk Pendidikan Kewangan yang Berkesan



Inklusif

Memastikan pendidikan kewangan dapat diakses oleh semua rakyat Malaysia, dengan tumpuan khusus pada keperluan segmen yang tidak dan kurang mendapat perkhidmatan kewangan. Usaha ini menyokong agenda rangkuman kewangan yang lebih luas dengan memastikan setiap individu dapat menyertai sistem kewangan secara bermakna.



Dinamik

Menyediakan pendidikan kewangan yang bersesuaian dengan perkembangan keadaan ekonomi, kemajuan teknologi dan keperluan masyarakat yang pelbagai. Prinsip ini memastikan inisiatif pendidikan kewangan kekal relevan dan berkesan dalam menangani cabaran kewangan semasa dan pada masa hadapan.



Inovatif

Memanfaatkan inovasi dan teknologi untuk mempertingkatkan pendidikan kewangan, menjadikan pembelajaran lebih interaktif dan menghasilkan impak pada pelbagai lapisan masyarakat, terutamanya golongan muda yang serba tahu tentang teknologi.



Pendekatan bersasar

Merangka dan melaksanakan inisiatif pendidikan kewangan yang disesuaikan dengan keperluan dan keadaan tersendiri setiap kumpulan masyarakat sasaran. Prinsip ini memaksimumkan keberkesanan pendidikan kewangan, dengan memastikan pendidikan tersebut dihayati dan dimanfaatkan oleh segenap lapisan masyarakat.

Objektif Utama

Strategi Kebangsaan memberikan tumpuan pada pelaksanaan **empat objektif utama** yang akan mendorong usaha kolaboratif merentas sektor untuk merealisasikan Visi NS2.0.

Objektif Utama NS2.0

01



Mempertingkatkan tahap literasi kewangan

Meningkatkan keupayaan individu untuk membuat keputusan kewangan yang bijak dan berasaskan maklumat dengan penuh keyakinan, melalui pemahaman yang lebih mendalam tentang keadaan kewangan sendiri serta kemahiran yang diperkukuh untuk menggunakan produk dan perkhidmatan kewangan secara berkesan bagi memenuhi keperluan diri.

02



Memperkuh literasi kewangan digital

Memperkuh keupayaan untuk memahami, menggunakan dan menguruskan produk dan perkhidmatan kewangan digital dengan selamat dan yakin.

03



Mempertingkatkan rangkuman kewangan

Menggalakkan penggunaan sumber, produk dan perkhidmatan kewangan yang lebih inklusif, saksama dan bermakna bagi memacu pemeraksanaan serta kemajuan ekonomi untuk semua segmen masyarakat.

04



Menambah baik daya tahan dan kesejahteraan kewangan


Memastikan nilai, tingkah laku dan sikap yang betul dipupuk dengan lebih mantap ke arah menguruskan kewangan dengan berkesan, mengurangkan tekanan kewangan, menghadapi kejutan, serta memenuhi keperluan kewangan semasa dan matlamat kewangan masa hadapan, demi meningkatkan kualiti hidup secara menyeluruh.

Segmen Sasaran

Strategi Kebangsaan komited untuk menangani keperluan kewangan **pengguna** yang pelbagai dan sentiasa berubah **mengikut peringkat kehidupan**. Tumpuan khusus diberikan untuk **menyokong golongan mudah terjejas** yang paling memerlukan, dengan memastikan mereka mendapat akses kepada alat dan sumber literasi kewangan yang dapat menggalakkan pemerkasaan serta kesaksamaan kewangan.

Segmen Sasaran

Merentasi pelbagai peringkat kehidupan:



Dengan tumpuan pada segmen mudah terjejas:

Berpendapatan rendah termasuk miskin bandar

Segmen ini bergantung pada pekerjaan tidak formal atau bergaji rendah, yang menyebabkan pendapatan tidak stabil sehingga sukar untuk merancang atau menyimpan. Sebahagian besar pendapatan mereka digunakan untuk keperluan asas seperti sewa rumah, makanan dan pengangkutan, lantas kurang berkemampuan untuk menyimpan.

Berpendapatan pertengahan

Segmen ini mengalami tekanan kewangan walaupun mempunyai berpendapatan stabil, disebabkan oleh peningkatan kos sara hidup dan komitmen utama seperti pinjaman perumahan, pinjaman kereta dan perbelanjaan pendidikan. Selain itu, tanggungjawab menyara anak-anak dan ibu bapa yang sudah berusia sering kali mengehadkan ruang untuk membuat simpanan atau perancangan persaraan.

Wanita

Segmen ini menghadapi halangan untuk mengambil bahagian dalam ekonomi secara menyeluruh disebabkan oleh norma budaya, kurang keyakinan untuk membuat keputusan kewangan serta cabaran untuk memanfaatkan sepenuhnya produk dan perkhidmatan kewangan sedia ada untuk menguruskan kewangan dan mengembangkan aset.

Ibu atau bapa tunggal

Segmen ini selalunya menguruskan pendapatan dari satu sumber yang terhad sambil menyeimbangkan tanggungjawab sebagai penjaga, lantas menyukarkan perancangan belanjawan yang berkesan, hasrat membuat simpanan, atau merancang untuk menghadapi masa kecemasan dan persaraan.

Individu buta huruf

Segmen ini bergelut untuk membuat keputusan kewangan berasaskan maklumat serta menggunakan sepenuhnya perkhidmatan penting disebabkan oleh tahap literasi dan numerasi yang terhad, yang menyebabkan mereka terkecuali daripada menggunakan kemudahan digital dan meningkatkan risiko terdedah pada penipuan dan saluran tidak rasmi.

Komuniti luar bandar dan terpencil

Segmen ini menghadapi akses yang terhad kepada produk dan perkhidmatan kewangan disebabkan oleh kedudukan geografi yang terpencil, kekurangan infrastruktur dan capaian Internet yang tidak stabil. Situasi ini menyukarkan urusan dengan bank, penyertaan dalam program pendidikan kewangan atau usaha untuk menjana pendapatan.

Orang kurang upaya (OKU)

Segmen ini menghadapi halangan daripada segi akses fizikal dan digital, kerana sebilangan besar penyedia perkhidmatan kewangan dan platform digital tidak direka bentuk untuk memenuhi keperluan pelbagai segmen masyarakat. Keadaan ini mengehadkan keupayaan OKU untuk mengakses dan menggunakan perkhidmatan kewangan secara sendiri.

Orang Asli

Segmen ini terus berdepan dengan cabaran dalam mengakses produk dan perkhidmatan kewangan disebabkan oleh akses yang terhad kepada bank, status pemilikan tanah yang tidak jelas yang menghalang penggunaan tanah sebagai cagar bagi pembiayaan atau pelaburan, serta pendidikan kewangan yang tidak mengambil kira konteks bahasa dan budaya setempat. Situasi ini menyumbang kepada tahap kepercayaan yang rendah terhadap sistem formal dan ketergantungan berterusan pada saluran tidak rasmi, sekali gus mengekalkan ramai daripada mereka dalam kemiskinan.

Usahawan mikro dan pekerja gig

Segmen ini menghadapi ketidakstabilan kewangan akibat pendapatan yang tidak menentu dan ketiadaan perlindungan sosial, yang menyukarkan usahawan mikro membuat perancangan kewangan, membuat simpanan atau pulih daripada kejutan kewangan seperti masalah kesihatan, kemalangan atau kehilangan pekerjaan.

Kewangan yang mudah terjejas merupakan isu yang kompleks dan mempunyai pelbagai dimensi. Individu dan komuniti yang berlainan mungkin menghadapi cabaran kewangan yang berbeza disebabkan oleh pelbagai faktor sosial, ekonomi dan struktur. Bagi memastikan rangkuman kewangan, usaha yang bersepadu dan berterusan merentas sektor awam, swasta dan masyarakat madani amat diperlukan. Strategi Kebangsaan memainkan peranan khusus dalam memperkukuh literasi kewangan sebagai sebahagian daripada usaha peringkat negara yang lebih luas, serta melengkapi peranan pelbagai Kementerian, agensi dan organisasi yang komited untuk menangani keperluan menyeluruh kesemua golongan ini.

Fokus Strategik

NS2.0 berteraskan **lima Fokus Strategik** (Strategic Priorities, SP), yang setiap satunya dirancang untuk menangani keperluan kewangan rakyat Malaysia pada pelbagai peringkat kehidupan. Selanjutnya, setiap SP **disokong oleh strategi dan inisiatif khusus** bagi memacu kemajuan pendidikan kewangan.



Fokus Strategik

01

Menggalakkan perancangan kewangan berhemat dan persediaan untuk persaraan



Hasil

Rakyat Malaysia memahami dan mengamalkan pengurusan wang harian serta perancangan kewangan jangka panjang merentas semua peringkat kehidupan, bagi memastikan simpanan dan harta persendirian yang mencukupi. Hal ini membolehkan mereka mencapai kebebasan, daya tahan dan kelestarian kewangan, termasuk semasa persaraan



Ukuran kejayaan

Pemahaman yang lebih baik serta penerapan konsep kewangan dan perancangan kewangan jangka panjang bagi menghadapi peristiwa penting dalam kehidupan termasuk perkahwinan, keibubapaan, ibadah haji, kematian dan penyakit serius

Peningkatan pengumpulan kekayaan individu dan isi rumah untuk menguruskan risiko jangka hayat dan memastikan jaminan kewangan jangka panjang

Tahap pemahaman yang lebih tinggi serta lebih bersedia sedia untuk menghadapi perubahan ekonomi dan dasar (contohnya, perubahan kadar faedah, inflasi)

Apabila individu melalui fasa kehidupan yang berbeza, keperluan kewangannya akan berubah daripada pengurusan wang saku yang mudah semasa zaman sekolah, kepada tanggungjawab kewangan yang lebih kompleks apabila dewasa. Peralihan ini menekankan peri pentingnya mempelajari kemahiran pengurusan kewangan sejak awal, bagi memastikan kestabilan dan kesejahteraan kewangan dapat diteruskan dalam pelbagai fasa kehidupan. Sehubungan dengan itu, pengetahuan, kemahiran, sikap dan tingkah laku kewangan yang positif yang dipupuk daripada usia muda adalah sangat penting bagi membantu individu membuat keputusan kewangan yang berhemat pada setiap fasa kehidupan.

Di Malaysia, kemajuan yang besar telah dicapai dalam usaha mengintegrasikan pendidikan kewangan dalam kurikulum sekolah, yang diterajui oleh Kementerian Pendidikan (KPM). Kajian pada tahun 2023 melibatkan 3,094 pelajar menunjukkan hasil yang memberangsangkan, dengan 77% dan 64.1% pelajar masing-masing menunjukkan tahap pengetahuan kewangan yang tinggi serta sikap kewangan yang positif. Namun begitu, hanya 17.6% pelajar menunjukkan tingkah laku kewangan yang kukuh, lantas mengetengahkan perlunya pengalaman kewangan yang lebih praktikal. Jurang ini menunjukkan bahawa walaupun pelajar memahami prinsip kewangan secara teori, mereka kekurangan peluang untuk mempraktikkannya dalam situasi harian sebenar, yang penting untuk membentuk tabiat kewangan yang positif. Kajian Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada tahun 2022 turut melaporkan bahawa skor literasi kewangan yang baik iaitu 67% dalam kalangan pelajar dan staf universiti. Namun, kajian tersebut juga mendedahkan tahap keberhutangan yang membimbangkan iaitu kecenderungan untuk berhutang tanpa memahami sepenuhnya tentang kesan jangka panjang. Dapatan ini mengetengahkan keperluan mendesak untuk memupuk tabiat kewangan sejak awal, termasuk pengurusan wang harian yang baik serta membina kemahiran perancangan kewangan jangka panjang semasa masih belajar, sebelum melangkah ke alam pekerjaan.

⁷ Untuk maklumat lanjut, rujuk <https://www.sc.com.my/api/documentms/download.ashx?id=9f1ac661-f250-4b0d-8706-c45cbac9906e>.

Apabila golongan belia memasuki alam dewasa, tanggungjawab dan cabaran kewangan mereka semakin meningkat, lantas memerlukan perancangan kewangan yang teliti termasuk persediaan untuk persaraan. Fasa kehidupan ini lazimnya melibatkan perbelanjaan yang lebih tinggi untuk tempat tinggal, pendidikan dan penjagaan kesihatan, di samping perlu menguruskan hutang serta mengumpul simpanan meskipun dengan sumber kewangan yang terhad. Tinjauan pada tahun 2022 oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Securities Commission Malaysia, SC) mendapati bahawa kebanyakan belia Malaysia membelanjakan sebahagian besar pendapatan mereka untuk keperluan asas dan, lebih membimbangkan, untuk membayar hutang, sekali gus mengehadkan keupayaan mereka untuk menyimpan atau melabur.⁷ Selain itu, data daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mendedahkan bahawa hampir separuh daripada rakyat Malaysia masih belum memulakan perancangan persaraan. Hasil dapatan ini menyerlahkan keperluan mendesak untuk libat urus yang berterusan dalam perancangan kewangan dan persaraan, terutamanya memandangkan Malaysia dijangka mencapai status negara tua dalam tempoh dua dekad akan datang. Tanpa persediaan yang mencukupi, banyak individu mungkin berdepan dengan ketidakjaminan kewangan (*financial insecurity*) pada usia tua.

Bagi menangani jurang yang wujud, fokus FEN adalah untuk melaksanakan strategi-strategi yang berikut:

- i. Mendorong penambahbaikan berterusan dari segi kesedaran, pengetahuan dan tabiat perancangan kewangan merentasi semua fasa kehidupan dengan memanfaatkan pemahaman tingkah laku; dan
- ii. Memperkukuh ekosistem literasi kewangan bagi meningkatkan akses kepada sumber dan alat perancangan kewangan yang ampuh serta penggunaannya yang berkesan.

Strategi

01

Mendorong penambahbaikan berterusan dari segi kesedaran, pengetahuan dan tabiat perancangan kewangan merentasi semua fasa kehidupan dengan memanfaatkan pemahaman tingkah laku

Inisiatif-inisiatif utama:

Memperluas penggunaan analitik tingkah laku untuk mewujudkan intervensi pendidikan kewangan yang disesuaikan mengikut fasa kehidupan dan keperluan, bagi menggalakkan proses membuat keputusan kewangan yang berpandangan jauh serta membentuk tabiat perancangan kewangan dan persaraan yang berhemat

Meningkatkan kesedaran dan keupayaan pengguna untuk melindungi diri daripada bias tingkah laku yang boleh menjejaskan perancangan kewangan yang baik, seperti pemikiran kelompok (*herd mentality*) dan risiko terjebak dalam penipuan kewangan

Menerapkan aktiviti perancangan kewangan yang praktikal dalam pendidikan kewangan di sekolah, seperti latihan penyediaan belanjawan dan simulasi menabung, bagi membantu pelajar menggunakan pengetahuan kewangan mereka dalam situasi sebenar secara lebih baik dan memupuk perubahan tingkah laku yang lebih mampan

Strategi

02

Memperkuh ekosistem literasi kewangan bagi meningkatkan akses kepada sumber dan alat perancangan kewangan yang ampuh serta penggunaannya yang berkesan

Inisiatif-inisiatif utama:

Menjadikan Laman Sesawang Navigasi FEN sebagai portal sehenti komprehensif dan mesra pengguna yang menyediakan maklumat, sumber, alat dan khidmat nasihat perancangan kewangan dalam format yang mudah diakses dan menarik

Menggalakkan perkongsian data dan pengalaman yang lebih lancar merentasi sektor kewangan dan institusi rakan usaha sama bagi mengenal pasti jurang pengurusan kewangan dengan lebih baik dan membangunkan penyelesaian yang lebih berkesan

Memperluas kerjasama strategik untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai FEN dan memperkuh peranannya sebagai jaringan kebangsaan yang terselaras dalam merangka dan melaksanakan intervensi untuk perancangan kewangan yang berkesan

Menyokong langkah mewajibkan pendidikan kewangan untuk pelajar institusi pengajian tinggi dengan memperkembang pembelajaran asas daripada sekolah rendah dan sekolah menengah. Pendekatan ini harus memberikan tumpuan pada pengalaman kewangan praktikal dan sebenar yang membolehkan pelajar bersiap siaga untuk kehidupan bekerja



Fokus Strategik**02****Memupuk pengurusan hutang yang bijak dan bertanggungjawab****Hasil**

Rakyat Malaysia mempunyai tahap kesedaran yang tinggi berkenaan amalan meminjam secara bertanggungjawab serta strategi pengurusan hutang yang berkesan, ke arah menghasilkan skor kredit yang lebih baik

**Ukuran kejayaan**

Kemahiran dan tingkah laku pengurusan hutang yang lebih baik, termasuk pemahaman yang lebih mendalam tentang penyediaan belanjawan dan penilaian kewangan sebelum membuat pinjaman

Tingkah laku pembayaran balik hutang yang lebih baik, yang menghasilkan trend pembayaran balik hutang yang positif

Profil kredit yang lebih baik

Peningkatan penggunaan perkhidmatan kaunseling kredit profesional untuk pengurusan hutang

Hutang merupakan komponen penting dalam pengurusan kewangan peribadi, iaitu individu memanfaatkan pelbagai sumber pembiayaan seperti kad kredit, pinjaman kenderaan, pinjaman pendidikan dan pinjaman perumahan bagi memenuhi keperluan serta mencapai matlamat kewangan mereka. Apabila diurus secara berhemat, hutang boleh menawarkan fleksibiliti dan peluang kewangan. Namun demikian, pengurusan hutang yang lemah boleh mengakibatkan kesan kewangan jangka panjang yang merugikan, termasuk tekanan kewangan, kitaran hutang yang berterusan dan dalam kes yang lebih serius, kemuflihan. Tinjauan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) pada tahun 2020 mendedahkan bahawa 27% golongan dewasa yang bekerja di Malaysia mengalami tekanan kewangan yang berpunca terutamanya daripada tahap hutang yang tinggi.⁸ Amalan seperti kegagalan membuat bayaran tepat pada masanya, penggunaan kad kredit secara berlebihan dan pengambilan hutang yang melampau boleh menjejaskan jaminan dan daya tahan kewangan seseorang individu.

Yang penting, lebih 53,000 individu berumur 30 tahun ke bawah yang menanggung hutang telah mendapatkan bantuan untuk menstrukturkan semula hutang mereka menerusi Program Pengurusan Hutang (Debt Management Programme, DMP) oleh AKPK. Walaupun situasi ini mencerminkan tahap kelemahan kewangan yang semakin meningkat dalam kalangan generasi muda, mereka juga mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengendalikan komitmen kewangan.

Pengurusan hutang berkesan yang berteraskan kesedaran, disiplin dan perancangan strategik, merupakan kunci kepada pembentukan asas kewangan yang kukuh. Profil kredit yang baik membuka peluang kepada terma pinjaman yang lebih baik, kemudahan kredit yang lebih mampu milik serta akses yang lebih meluas kepada produk kewangan. Keadaan ini seterusnya menyumbang kepada kestabilan kewangan dan kekukuhan ekonomi secara menyeluruh.

Pengurusan hutang yang bertanggungjawab termasuk mengelak daripada membuat pinjaman yang berlebihan, pembayaran balik hutang secara tepat pada masanya serta berbincang secara proaktif dengan penyedia perkhidmatan kewangan sekiranya berdepan dengan cabaran pembayaran balik hutang. Pemupukan kesemua amalan ini penting bagi memastikan akses dan penggunaan pembiayaan yang berterusan, serta memerlukan strategi yang bersifat mudah suai serta penyelarasan merentas pelbagai sektor. Sama pentingnya, kesemua usaha ini perlu dilengkapi dengan langkah-langkah perlindungan pengguna yang mantap, termasuk pematuhan penyedia perkhidmatan kewangan terhadap amalan pemberian pinjaman yang bertanggungjawab dan layanan yang adil terhadap pengguna, seperti yang dikehendaki oleh BNM.

Strategi FEN merangkumi:

- i. Meningkatkan ilmu pengetahuan dan amalan pengurusan hutang bagi mengukuhkan kedudukan kewangan jangka panjang; dan
- ii. Memastikan akses kewangan yang inklusif, dilengkapi khidmat nasihat dan sokongan yang menyeluruh, khususnya bagi segmen mudah terjejas dan kurang mendapat perkhidmatan kewangan.

⁸ Untuk maklumat lanjut, rujuk <https://www.akpk.org.my/sites/default/files/2024-06/Money-20and-20Mental-20Well-Being-20-28Living.pdf>.

Strategi

01

Meningkatkan ilmu pengetahuan dan amalan pengurusan hutang bagi mengukuhkan kedudukan kewangan jangka panjang

Inisiatif-inisiatif utama:

Mengembangkan inisiatif pendidikan kewangan bersasar yang memberikan tumpuan pada peminjaman bertanggungjawab dan pengurusan hutang yang bijak, dengan memanfaatkan saluran dan pusat akses digital yang inovatif

Memperkenalkan pendidikan kewangan mengikut kesesuaian berkenaan pengurusan hutang kepada segmen mudah terjejas yang disasarkan, dengan penyampaian maklumat yang tepat pada masanya (contohnya, tujuan dan risiko kredit serta obligasi bayaran balik hutang) pada detik-detik penting (contohnya, sebelum membuat pinjaman), bagi meningkatkan tahap pemahaman dan membuat keputusan yang lebih bijak

Strategi

02

Memastikan akses kewangan yang inklusif, dilengkapi khidmat nasihat dan sokongan yang menyeluruh, khususnya bagi segmen mudah terjejas dan kurang mendapat perkhidmatan kewangan

Inisiatif-inisiatif utama:

Meningkatkan kesedaran dan akses kepada perkhidmatan kaunseling pinjaman dan program bantuan kewangan, dan pada masa yang sama menghapuskan stigma terhadap perkhidmatan ini, untuk menggalakkan intervensi awal dan mengelakkan krisis kewangan daripada terus meruncing

Meningkatkan kesedaran dan memperkukuh keupayaan penggunaan model pemarkahan alternatif untuk memudahkan lagi akses kepada kredit dan peluang kewangan bagi peminjam *thin-file** seperti pekerja gig

**Merujuk peminjam yang mempunyai sejarah kredit yang terhad atau tiada sejarah kredit secara rasmi. Keadaan ini menimbulkan cabaran untuk menilai peminjam sebegini menggunakan kaedah penilaian kredit tradisional.*



Fokus Strategik

03

Menjamin masa depan
kewangan melalui langkah
perlindungan risiko

Hasil

Rakyat Malaysia melindungi pendapatan, simpanan dan aset mereka daripada kejutan melalui pengurusan risiko kewangan peribadi dan strategi perlindungan yang menyeluruh, termasuk simpanan untuk masa kecemasan serta insurans/takaful, bagi meningkatkan daya tahan kewangan



Ukuran kejayaan

Kesedaran dan pemahaman yang lebih baik mengenai mekanisme pengurusan dan perlindungan risiko serta manfaatnya

Peningkatan penggunaan produk dan strategi perlindungan risiko kewangan termasuk insurans/takaful hayat dan kesihatan serta langkah-langkah perlindungan terhadap risiko berkaitan iklim seperti banjir, ribut dan bencana alam lain

Perlindungan risiko memainkan peranan penting bagi memastikan individu dan perniagaan kekal terlindung daripada gangguan kewangan dan kelemahan yang tidak dijangka. Risiko ini boleh berpunca daripada peristiwa yang mengubah kehidupan, seperti kejutan kewangan, kemalangan, penyakit atau kematian, bencana alam seperti banjir serta pandemik yang mengganggu sumber pendapatan. Bagi sebahagian besar rakyat Malaysia, terutamanya isi rumah berpendapatan rendah, kesan peristiwa sebegini boleh membawa implikasi yang serius. Hal ini menekankan keperluan segera untuk pengurusan dan perlindungan risiko kewangan yang berkesan dan mudah diakses.

Berdasarkan Kaji Selidik FCI 2024, banyak rakyat Malaysia masih belum bersedia sepenuhnya untuk menghadapi kejadian tidak dijangka. Sebanyak enam daripada 10 individu melaporkan kesukaran untuk menyediakan dana kecemasan sebanyak RM1,000. Selain itu, hanya 37% rakyat Malaysia mampu menampung perbelanjaan hidup sekurang-kurangnya selama tiga bulan sekiranya mereka kehilangan sumber pendapatan utama.

Selanjutnya, sebanyak 35% rakyat Malaysia menyatakan kekurangan perlindungan kewangan yang mencukupi apabila berdepan dengan peristiwa buruk dan bencana besar. Walaupun terdapat peningkatan dalam minat rakyat Malaysia untuk mempelajari tentang produk insurans atau takaful, minat ini masih belum diterjemahkan kepada kadar penerimaan yang kukuh bagi insurans hayat atau takaful keluarga (2024: 28%; 2018: 17%), khususnya dalam kalangan kumpulan mudah terjejas yang sangat memerlukannya. Perlindungan risiko berkaitan iklim juga masih belum berkembang sepenuhnya, dengan hanya satu daripada empat isi rumah berpendapatan rendah dilindungi oleh insurans sedemikian (Ridzuan M. R. dll., 2023).⁹

Jurang ini mencerminkan isu yang lebih meluas: perlindungan risiko kewangan masih belum dapat diperolehi oleh banyak pihak disebabkan oleh kurangnya kesedaran, salah tanggapan terhadap peranan dan manfaat perlindungan, serta kekurangan penyediaan produk insurans/takaful yang sesuai dan mampu milik.

Bagi menangani jurang ini, rakyat Malaysia perlu diperkasakan dengan kesedaran dan kefahaman yang lebih baik terhadap pengurusan dan perlindungan risiko kewangan peribadi. Langkah ini merangkumi keutamaan dalam membina simpanan berjaga-jaga seperti dana kecemasan dan dana terikat, serta melindungi masa depan kewangan melalui insurans/takaful. Tumpuan FEN akan diberikan pada strategi yang berikut:

- i. Meningkatkan kesedaran dan pemahaman pengguna mengenai perlindungan risiko serta manfaatnya, bagi mendorong amalan pengurusan risiko yang bertanggungjawab dan optimum; dan
- ii. Memperluas akses dan penggunaan mikroinsurans/mikrotakaful, khususnya bagi segmen mudah terjejas.

⁹ Ridzuan, M. R., Razali, J. R., Soon-Yew, J., Yusof, N. M., Lai-Kuan, K., Manas, N. H. N., & Rahman, N. A. S. A. (2023). Mitigating Flood Risk in Malaysia through Flood Insurance: Exploring the Feasibility of the United States and Japanese Approaches. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(9), 240 - 260.

Strategi

01

Meningkatkan kesedaran dan pemahaman pengguna mengenai perlindungan risiko serta manfaatnya, bagi mendorong amalan pengurusan risiko yang bertanggungjawab dan optimum

Inisiatif-inisiatif utama:

Mempergiat pendidikan kewangan bersasar oleh FEN mengenai kepentingan strategi perlindungan risiko (contohnya, simpanan berjaga-jaga dan insurans/takaful), untuk segmen sasaran yang berbeza, terutamanya golongan belia, isi rumah berpendapatan rendah dan usahawan mikro

Memanfaatkan pemahaman tingkah laku serta inovasi digital untuk mendorong pengguna ke arah pengurusan risiko kewangan yang bertanggungjawab dan membudayakan amalan perlindungan jangka panjang yang utuh

Menyepadukan pendidikan mengenai risiko iklim dalam libat urus literasi kewangan dan melaksanakan pembangunan keupayaan untuk penghijauan PKS

Menyediakan latihan dan pembangunan keupayaan kepada pemimpin komuniti sebagai suara yang berpengaruh dan berwibawa untuk menggalakkan penglibatan masyarakat secara lebih meluas dalam aktiviti perlindungan risiko kewangan dan iklim

Strategi

02

Meningkatkan akses dan penggunaan mikroinsurans/mikrotakaful, khususnya bagi segmen yang mudah terjejas

Inisiatif-inisiatif utama:

Menyokong penyediaan produk mikroinsurans/mikrotakaful yang mampu milik, sesuai dan mesra pengguna, yang dirangka khusus untuk memenuhi keperluan segmen mudah terjejas seperti komuniti berpendapatan rendah. Usaha ini diperkukuh melalui kerjasama yang lebih erat dan perkongsian data bersama penyedia perkhidmatan kewangan bagi meningkatkan pemahaman berhubung dengan jurang perlindungan dan risiko khusus mengikut segmen

Mengintegrasikan mekanisme perbandingan ciri produk serta khidmat nasihat kewangan bagi membantu pengguna membuat keputusan berdasarkan maklumat mengenai pengurusan risiko



Fokus Strategik

04

Menggalakkan penggunaan perkhidmatan kewangan digital secara selamat, yakin dan bermakna**Hasil**

Rakyat Malaysia dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk meraih peluang dan menguruskan risiko dalam ekonomi digital secara strategik, selamat dan yakin, seterusnya membuat pilihan kewangan yang lebih baik dan meningkatkan kualiti hidup

**Ukuran kejayaan**


Akses kepada perkhidmatan kewangan digital yang lebih menyeluruh serta penggunaannya yang meningkat

Peningkatan tahap literasi kewangan digital, terutamanya dalam kalangan segmen mudah terjejas dan kurang mendapat perkhidmatan kewangan

Memupuk kepercayaan yang lebih tinggi terhadap keselamatan dan keandalan perkhidmatan kewangan digital

Pendigitalan sedang mengubah landskap perkhidmatan kewangan pada kadar yang amat pesat, menjadikan transaksi lebih mudah, pantas dan boleh diakses secara meluas. Daripada pembayaran di kedai dan pemindahan wang sehinggalah kepada pembelian secara dalam talian, rakyat Malaysia semakin menerima kaedah digital yang meningkatkan kemudahan dan kecekapan dalam pengurusan kewangan harian. Peralihan ini membuka peluang untuk mengurangkan keterasingan kewangan serta menyokong keputusan kewangan yang lebih baik, sekali gus meningkatkan kualiti hidup. Namun, manfaat ini hanya dapat direalisasikan sepenuhnya jika semua rakyat Malaysia dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran yang tepat untuk menggunakan perkhidmatan kewangan digital (*digital financial services*, DFS) secara selamat, bertanggungjawab dan yakin.

Kaji Selidik FCI 2024 menunjukkan pertumbuhan yang memberangsangkan dalam penggunaan DFS dalam kalangan rakyat Malaysia, menandakan kesediaan yang semakin meningkat untuk berinteraksi secara digital.

Penggunaan DFS oleh Rakyat Malaysia

Sumber: Kaji Selidik FCI 2024

Walaupun mencipta pelbagai peluang baharu, ekosistem kewangan digital turut menimbulkan risiko seperti penipuan, fraud dan ancaman keselamatan siber. Berdasarkan Kaji Selidik FCI 2024, hampir satu daripada enam rakyat Malaysia pernah berdepan dengan cubaan

penipuan. Malah, jumlah kes penipuan digital yang dilaporkan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) juga meningkat lebih tiga kali dalam tempoh setahun iaitu antara tahun 2023 dan 2024. Berlatarkan perkembangan ini, tahap literasi kewangan digital (*digital financial literacy*, DFL) yang rendah terus menjadi penghalang kepada penggunaan DFS secara selamat dan yakin. Sebagai contoh, 61% rakyat Malaysia tidak memberikan perhatian tentang keselamatan laman sesawang semasa menjalankan transaksi perbankan dalam talian (Kaji Selidik FCI 2024), manakala 32% masih tidak pasti cara untuk bertindak balas terhadap penipuan lazim seperti penyamaran dan pemberitahuan palsu (RinggitPlus, 2024).¹⁰

Bagi menangani kesemua risiko ini, Pusat Respons Penipuan Kebangsaan (National Scam Response Centre, NSRC) telah ditubuhkan pada tahun 2022 sebagai sebuah platform khas yang melibatkan pelbagai agensi¹¹ bagi membanteras kes penipuan kewangan dalam talian dan jenayah siber yang semakin meningkat. NSRC berfungsi sebagai pusat sehati untuk menyelaraskan laporan penipuan, membantu mangsa serta menyekat pergerakan dana yang dicuri, melalui kerjasama rapat dengan agensi penguatkuasaan dan institusi kewangan. NSRC turut memainkan peranan penting dalam mempertingkatkan tahap kesedaran awam dan langkah pencegahan untuk memperkukuh keselamatan kewangan dalam persekitaran digital.

Penggunaan DFS yang meluas turut mencetuskan corak tingkah laku baharu, seperti perbelanjaan secara impulsif, yang dipengaruhi oleh kesan *painless payment*, iaitu kaedah pembayaran yang lebih lancar dan tanpa halangan. Kajian global menunjukkan bahawa pembayaran digital yang mudah dibuat cenderung untuk mengurangkan emosi negatif yang berkaitan dengan perbelanjaan, sekali gus mengurangkan kepekaan terhadap harga dan mendorong perbelanjaan berlebihan.

¹⁰ Untuk maklumat lanjut, rujuk <https://ringgitplus.com/en/blog/wp-content/uploads/2024/09/RMFLS-2024-Survey-Report.pdf>.

¹¹ NSRC merupakan usaha bersama antara Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (National Anti-Financial Crime Centre, NFCC), BNM, PDRM, dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), serta institusi kewangan dan industri telekomunikasi.



Yang penting, usaha untuk menggalakkan penggunaan DFS perlu mencapai keseimbangan yang teliti. Walaupun tumpuan diberikan pada pembentukan masyarakat yang bersedia untuk masa hadapan dan berkeupayaan secara digital, perhatian juga perlu diberikan pada memastikan tiada segmen masyarakat yang terpinggir atau terdedah pada risiko. Golongan warga emas dan orang kurang upaya (OKU) merupakan antara kumpulan yang paling terdedah pada risiko dan pengecualian digital. Sokongan terhadap kumpulan mudah terjejas ini adalah sangat penting bukan sahaja untuk rangkuman kewangan, tetapi juga bagi mengekalkan keselamatan, kepercayaan dan martabat dalam ekosistem kewangan digital.

Sehubungan dengan itu, strategi yang berikut akan dilaksanakan:

- i. Memperkukuh DFL dan pada masa yang sama memupuk kesedaran keselamatan siber serta menggalakkan penggunaan saluran bantuan penyelesaian dan khidmat nasihat berdasarkan maklumat yang mencukupi; dan
- ii. Menggalakkan penggunaan DFS secara lebih meluas bagi mempertingkatkan rangkuman kewangan.

Strategi

01

Memperkukuh DFL dan pada masa yang sama memupuk kesedaran keselamatan siber serta menggalakkan penggunaan bantuan penyelesaian dan khidmat nasihat berdasarkan maklumat yang mencukupi

Inisiatif-inisiatif utama:

Menerapkan kandungan DFL dalam platform digital yang digunakan secara meluas (contohnya, perbankan dalam talian, e-dagang dan media sosial) untuk menyampaikan maklumat kewangan yang relevan pada waktu diperlukan

Menggalakkan penyelidikan yang lebih mendalam bagi menghasilkan bahan pendidikan yang inovatif, berasaskan pemahaman psikologi dan tingkah laku, bagi meningkatkan pemahaman pengguna terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi corak perbelanjaan seperti pembelian impulsif, *painless payments* dan bias masa kini (iaitu memilih ganjaran segera berbanding manfaat jangka panjang)

Mempergiat pendidikan kewangan mengenai kepentingan amalan baik keselamatan siber bagi melindungi pengguna daripada penipuan dan jenayah digital, dengan memanfaatkan ruang awam dan iklan di dalam pengangkutan awam untuk capaian yang lebih meluas. Langkah ini termasuk meningkatkan keupayaan pengguna untuk mengesahkan maklumat, produk dan perkhidmatan kewangan dalam talian

Memupuk kesedaran yang lebih meluas serta meningkatkan penggunaan perkhidmatan bantuan penyelesaian dan khidmat nasihat, termasuk memperkenalkan kaedah untuk mengenal pasti saluran sokongan yang sah dan diiktiraf

Strategi

02

Menggalakkan penggunaan DFS secara lebih meluas bagi mempertingkatkan rangkuman kewangan

Inisiatif-inisiatif utama:

Memperluas kempen pembayaran tanpa tunai bagi menggalakkan lagi penerimaan pembayaran digital secara selamat, dengan memanfaatkan platform fizikal dan digital untuk memperluas capaian

Melaksanakan program kesedaran yang disesuaikan mengenai perkhidmatan e-kiriman wang, secara kerjasama dengan penyedia perkhidmatan kewangan, yang menyasarkan usahawan mikro dan pekerja asing

Membangunkan alat pendidikan kewangan yang inovatif melalui platform digital, dengan menyasarkan usahawan mikro dan pekerja gig bagi meningkatkan keupayaan mereka untuk menjana pendapatan

Fokus Strategik

05

Mendorong pelaburan bagi menjana kekayaan



Hasil

Rakyat Malaysia mempunyai pengetahuan dan keyakinan untuk membuat keputusan pelaburan berpandukan maklumat, dengan memanfaatkan platform tradisional dan digital, bagi menggalakkan penjana kekayaan dan keselamatan kewangan jangka panjang



Ukuran kejayaan

Pemahaman yang lebih baik tentang konsep penting pelaburan

Peningkatan penyertaan dalam Pasaran Modal Malaysia, termasuk melalui platform tradisional dan digital

Peningkatan penggunaan pelaburan digital

Kesedaran dan penggunaan yang lebih meluas terhadap amalan Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (Sustainable and Responsible Investment)

Pelaburan merupakan satu kaedah penting untuk membina kekayaan jangka panjang dan menjamin masa depan kewangan. Kaedah ini membantu pengguna melindungi diri daripada tekanan kos sara hidup yang semakin meningkat, di samping membolehkan simpanan berkembang melalui manfaat pulangan berganda (*compounding returns*). Amalan pelaburan yang berhemat, seperti kepelbagaian pelaburan, membolehkan individu mengimbangi risiko dan ganjaran serta membina kekayaan secara berterusan seiring dengan peredaran masa.

Walaupun rakyat Malaysia semakin menyedari kepentingan membuat pelaburan, banyak yang masih kurang yakin untuk memulakan atau menguruskan pelaburan mereka dengan berkesan. Tinjauan yang dijalankan oleh SC pada tahun 2022 mendapati bahawa 65% rakyat Malaysia tidak pasti tentang kemahiran pelaburan mereka, disebabkan terutamanya oleh pengetahuan yang terhad.¹² Tambahan pula, kemajuan teknologi dan inovasi kewangan telah memperkenalkan pelbagai pilihan pelaburan yang lebih meluas. Walaupun mungkin mengelirukan sebahagian pengguna, keadaan ini turut membuka peluang yang besar kepada mereka yang berilmu pengetahuan.

Platform pelaburan digital telah memudahkan orang ramai untuk melabur. Platform sebegini mudah diakses, bersifat mesra pengguna dan lazimnya hanya memerlukan modal permulaan yang kecil, menjadikannya pilihan menarik bagi golongan muda dan pelabur kali pertama. Tinjauan SC pada tahun 2024 menyokong dapatan ini, dengan menunjukkan bahawa kebanyakan pengguna lebih gemar melaburkan jumlah yang kecil dalam produk pelaburan yang ringkas dan mudah difahami.¹³ Walaupun kemudahan digital memberikan kuasa kepada pengguna untuk menguruskan pelaburan mereka dengan lebih mudah, kemudahan ini juga menuntut pemahaman yang jelas terhadap matlamat kewangan peribadi dan tahap toleransi risiko masing-masing,

bagi mengelakkan pengambilan risiko yang melebihi kemampuan. Pada masa yang sama, pendidikan pelaburan turut memainkan peranan penting dalam melindungi pengguna daripada penipuan kewangan. Kajian pemahaman tingkah laku oleh SC menunjukkan bahawa satu daripada tiga rakyat Malaysia terdedah kepada penipuan pelaburan, walaupun mempunyai tahap pendidikan yang tinggi. Dapatan ini menyerlahkan keperluan untuk memperkukuh pendidikan kewangan bagi menyokong pengguna dalam melindungi kekayaan mereka serta membina keyakinan terhadap tawaran pelaburan yang sah.

Seiring dengan peningkatan tahap kesedaran kewangan dalam kalangan pengguna, semakin banyak pengguna yang mula mengambil kira kesan yang lebih meluas daripada keputusan kewangan mereka. Minat terhadap pelaburan yang selari dengan nilai peribadi turut meningkat, khususnya dalam kalangan individu yang lebih peka terhadap isu alam sekitar dan sosial. Peralihan ini telah menyumbang kepada permintaan yang lebih tinggi terhadap Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (Sustainable and Responsible Investment, SRI). Sehubungan dengan itu, pemahaman yang lebih tinggi dan akses yang lebih meluas kepada SRI akan membolehkan lebih banyak rakyat Malaysia membina kekayaan sambil menyumbang kepada SDG.

Bagi menggalakkan penyertaan yang lebih meluas dalam pelaburan merentasi pelbagai platform dan tawaran produk, strategi yang berikut akan diberikan keutamaan:

- i. Meningkatkan lagi kesedaran mengenai ketersediaan, risiko dan manfaat produk pelaburan;
- ii. Memudahkan penerapan pelaburan digital secara lebih meluas; dan
- iii. Memperluas kesedaran terhadap produk SRI bagi menggalakkan penyertaan yang lebih menyeluruh.

¹² Untuk maklumat lanjut, rujuk <https://www.sc.com.my/api/documentms/download.ashx?id=9f1ac661-f250-4b0d-8706-c45cbac9906e>.

¹³ Untuk maklumat lanjut, rujuk <https://www.sc.com.my/api/documentms/download.ashx?id=687f2605-37bb-42dc-91a9-fc7ecf754a33>.

Strategi

01

Meningkatkan lagi kesedaran mengenai ketersediaan, risiko dan manfaat produk pelaburan

Inisiatif-inisiatif utama:

Mempergiat pendidikan kewangan berkaitan konsep asas pelaburan serta ciri-ciri, risiko dan manfaat pelbagai jenis tawaran pelaburan

Menggalakkan penyelidikan dan penggunaan pemahaman tingkah laku bagi mendorong rakyat Malaysia membuat keputusan pelaburan yang lebih bermaklumat, melalui peningkatan kefahaman terhadap bias kewangan, motivasi dan kecenderungan dalam membuat keputusan

Strategi

02

Memudahkan penerapan pelaburan digital secara lebih meluas

Inisiatif-inisiatif utama:

Memupuk kerjasama dengan penyedia teknologi kewangan dan peserta digital bagi melaksanakan inisiatif pendidikan yang menyeluruh bertujuan memperkasakan pengguna untuk memahami dengan lebih baik alat pelaburan digital, termasuk risiko dan manfaatnya, serta teknologi asas, langkah keselamatan dan rangka kerja kawal selia yang mentadbir urus platform tersebut

Menggalakkan ketelusan dan kepercayaan terhadap platform pelaburan digital dengan mengutamakan komunikasi yang jelas serta antara muka yang mesra pengguna

Strategi

03

Memperluas kesedaran terhadap produk SRI bagi menggalakkan penyertaan yang lebih menyeluruh

Inisiatif-inisiatif utama:

Melaksanakan kempen pendidikan kewangan yang inovatif serta menyediakan sumber yang mudah diakses, dengan memanfaatkan kerjasama bersama penyedia perkhidmatan kewangan dan peserta sektor teknologi kewangan. Inisiatif ini merangkumi usaha untuk meningkatkan kemahiran dan kecekapan profesional (contohnya, pengurus kekayaan serta broker, perancang dan penasihat kewangan) berhubung dengan prinsip SRI bagi memperkasakan pengguna serta mempromosikan pilihan pelaburan berasaskan SRI

Membangunkan pengelasan produk SRI yang lebih jelas berdasarkan strategi pelaburan yang berbeza, bagi membolehkan pengguna membuat keputusan yang lebih bermaklumat selaras dengan nilai serta keutamaan masing-masing

Pemacu Utama

Kejayaan pelaksanaan Fokus Strategik memerlukan sokongan daripada **tiga pemacu utama**¹⁴ dalam ekosistem yang lebih meluas, bagi memperkukuh persekitaran NS2.0 beroperasi.



¹⁴ Maklumat lanjut mengenai cara untuk terlibat dalam pelaksanaan NS2.0 boleh dirujuk dalam Bab 4 Menjayakan Aspirasi: Pendekatan Pelaksanaan Strategi.

Sudut Pandangan Menyeluruh

Strategi Kebangsaan ini turut menggariskan empat pertimbangan tematik merentas sektor yang perlu disepadukan dalam semua strategi literasi kewangan secara menyeluruh. Pertimbangan ini bertujuan untuk memastikan strategi yang dilaksanakan bukan sahaja relevan dan berimpak, malah turut menyumbang kepada pembangunan global seperti SDG.

Pertimbangan menyeluruh bagi strategi literasi kewangan, selaras dengan matlamat pembangunan yang lebih meluas



Kepelbagaian ekonomi dan budaya

Kepelbagaian ekonomi dan budaya di Malaysia membawa bersama cabaran dan peluang untuk memperkukuh tahap literasi kewangan rakyat. Perbezaan dari segi latar belakang sosioekonomi, etnik dan budaya menjadikan corak tingkah laku kewangan serta tahap toleransi risiko pengguna berbeza-beza, dipengaruhi oleh faktor seperti pendapatan, kepercayaan agama dan amalan budaya setempat.

Strategi pendidikan kewangan yang berkesan perlu peka terhadap kepelbagaian masyarakat, dengan menyediakan kandungan yang disesuaikan mengikut keperluan komuniti yang berbeza. Pendekatan yang inklusif ini memastikan program literasi kewangan dapat memenuhi keperluan setiap segmen masyarakat, memperkukuh keupayaan kewangan, menggalakkan perpaduan sosial dan menyokong agenda rangkuman ekonomi.



Kesedaran tentang iklim

Keputusan kewangan seperti pelaburan dan perbelanjaan mempunyai kesan yang meluas terhadap hasil alam sekitar. Penerapan kesedaran iklim dalam pendidikan kewangan membantu pengguna memahami kesan pilihan kewangan mereka terhadap alam sekitar, lantas menggalakkan proses membuat keputusan yang lebih mampan.

Menurut United Nations Environment Programme (UNEP, 2020), peningkatan kesedaran pengguna terhadap pilihan kewangan mampan mampu mengurangkan pelepasan gas rumah hijau global hingga 15% menjelang tahun 2030. Dengan memupuk amalan kewangan yang lebih peka terhadap alam sekitar, Malaysia berpeluang menyelaraskan inisiatif literasi kewangan negara dengan agenda kelestarian global, lantas menyumbang ke arah masa hadapan yang lebih lestari dan berdaya tahan.

Pada masa ini, sebanyak 56% rakyat Malaysia menyuarakan kebimbangan terhadap perubahan iklim, khususnya daripada kumpulan berpendapatan rendah. Sebaliknya, kurang daripada 23% individu berpendapatan tinggi berkongsi sentimen yang sama. Peningkatan tahap kesedaran alam sekitar dan perubahan sikap dalam kalangan kumpulan berpendapatan tinggi mampu memberikan impak yang lebih positif berikutan kuasa beli mereka yang lebih tinggi serta pengaruh terhadap penggunaan produk dan perkhidmatan yang lebih mampan.



Kesaksamaan jantina

Pemeriksaan kesaksamaan jantina merupakan keutamaan global yang penting dan selaras dengan SDG. Usaha literasi kewangan perlu memberikan tumpuan pada penyediaan akses yang saksama kepada pelbagai kaedah dan sumber bagi meningkatkan keupayaan kewangan wanita. Di seluruh dunia, hampir 750 juta wanita masih tidak termasuk dalam sistem kewangan formal, lantas menjejaskan penyertaan mereka dalam ekonomi. Di Malaysia, meskipun jurang jantina dalam pemilikan akaun kewangan dan akses kepada kredit adalah minimum, penyertaan ekonomi masih tidak seimbang, dengan kadar penyertaan tenaga kerja wanita pada 55% dan hanya 20% PKS yang dimiliki oleh wanita. Kadar penyertaan tenaga kerja yang lebih rendah serta jurang gaji menjadikan wanita lebih terdedah pada kejutan kewangan.

Pendidikan kewangan yang disesuaikan untuk meningkatkan keupayaan kewangan wanita dapat memperkasakan mereka dalam menguruskan sumber kewangan dengan lebih berkesan, melabur untuk masa hadapan serta memberikan impak positif kepada keluarga dan masyarakat secara keseluruhan.



Kesihatan mental

Kesalinghubungan antara tekanan kewangan dengan kesihatan mental kian mendapat perhatian sebagai isu yang semakin membimbangkan. Tekanan kewangan yang berpanjangan boleh menyebabkan isu kesihatan mental seperti kemurungan dan keresahan, lantas menjejaskan keupayaan individu untuk membuat keputusan kewangan secara rasional dan mengurangkan tahap kepuasan terhadap kehidupan. Cabaran tekanan mental sebegini sering menyebabkan perbelanjaan impulsif atau keputusan kewangan yang tidak berpatutan seperti berbelanja secara berlebihan atau pengambilan hutang yang berlebihan, sekali gus memburukkan lagi tekanan kewangan. Laporan Money and Mental Well-being (2020) oleh AKPK turut mengesahkan kesalinghubungan ini. Lebih membimbangkan, hampir separuh daripada golongan pekerja di Malaysia melaporkan bahawa tekanan kewangan telah menjejaskan kesihatan mental mereka.

Dengan menerapkan kesedaran kesihatan mental dalam pendidikan kewangan, individu bukan sahaja dapat menguruskan kewangan dengan lebih berkesan, malah lebih bersedia menghadapi tekanan emosi yang berpunca daripada masalah kewangan. Dwifokus ini membantu menyokong keputusan kewangan yang lebih berdasarkan maklumat, meningkatkan produktiviti ekonomi dan menyumbang kepada kesejahteraan hidup secara menyeluruh. Dengan mengambil kira aspek kesihatan mental dalam usaha memperkukuh literasi kewangan, individu dapat membina keyakinan dan keupayaan untuk membuat pilihan kewangan yang lebih baik. Keutamaan terhadap kesihatan mental dalam pendidikan kewangan bukan sahaja menyokong daya tahan kewangan, malah menyumbang kepada masyarakat yang lebih sihat dan produktif.

Bab 04

Menjayakan Aspirasi: Pendekatan Pelaksanaan Strategi

Mengorak Langkah Baharu Berteraskan Kejayaan Sedia Ada [↗](#)

Bersama Kita Membina Perubahan [↗](#)




Mengubah visi strategik kepada pelaksanaan yang berkesan memerlukan rangka kerja pelaksanaan terancang yang mengutamakan kerjasama dan penyesuaian mengikut keperluan. Bab ini menghuraikan pendekatan pelaksanaan pelbagai dimensi yang menjadi teras NS2.0. Pendekatan ini dirangka untuk memastikan capaian dan impak maksimum bagi strategi literasi kewangan.

Komponen asas dalam rangka kerja pelaksanaan ini ialah pendekatan seluruh negara yang menekankan keperluan untuk kerjasama dan penyelarasan yang erat antara pelbagai pihak berkepentingan awam dan swasta. Rangka kerja ini mengoptimumkan penggunaan sumber dan mempertingkatkan sinergi antara pihak berkepentingan bagi memperluas capaian serta memastikan pelaksanaan strategi literasi kewangan yang berkesan. Semangat kerjasama ini berteraskan dua prinsip utama, iaitu tanggungjawab bersama semua pihak berkepentingan dalam memajukan kesejahteraan kewangan dan pemerkasaan individu untuk mengawal masa hadapan kewangan mereka secara proaktif.

Satu lagi elemen penting dalam rangka kerja pelaksanaan ini ialah inisiatif literasi kewangan yang dijalankan secara bersasar. Pendekatan ini menyesuaikan pelaksanaan program supaya memenuhi keperluan yang pelbagai dan unik bagi setiap segmen masyarakat. Selain itu, keutamaan diberikan kepada inisiatif yang mampu diperluas serta mempunyai proses maklum balas berterusan sebagai komponen penting untuk memastikan keberkesanan. Libat urus secara berkala dengan pihak berkepentingan membuka ruang untuk memahami cabaran baharu dan keperluan yang berkembang, lantas membolehkan penyesuaian dilakukan secara tepat mengikut keadaan semasa. Pendekatan ini memastikan inisiatif literasi kewangan kekal menghasilkan impak dan bertindak balas pada keperluan masyarakat Malaysia yang dinamik.

Selaras dengan itu, rangka kerja pelaksanaan ini turut merangkumi kaedah pelaksanaan berperingkat yang menggabungkan strategi peringkat kebangsaan dengan inisiatif khusus yang dijalankan mengikut wilayah, sektor ekonomi dan kumpulan penduduk tertentu.



Pendekatan serampang dua mata ini memastikan matlamat menyeluruh literasi kewangan dalam NS2.0 dapat dicapai dan pada masa yang sama mengambil kira keperluan dan kehendak setempat pengguna pada peringkat wilayah dan komuniti.

Tambahan lagi, pendekatan pelaksanaan ini memaksimumkan kesannya melalui jalinan kerjasama strategik dengan ejen perubahan yang mempunyai pengaruh besar dalam masyarakat. Kerjasama dengan pemimpin komuniti, termasuk tokoh agama dan para pendidik amat penting dalam meningkatkan penerimaan serta memastikan inisiatif literasi kewangan kekal relevan. Ejen perubahan ini berperanan sebagai penghubung penting antara pendidikan kewangan formal dengan amalan kewangan harian, sekali gus mendorong penglibatan yang lebih mendalam serta perubahan tingkah laku yang berpanjangan.

Mengorak Langkah Baharu Berteraskan Kejayaan Sedia Ada

Setakat ini, FEN telah memanfaatkan kerjasama erat dengan institusi pendidikan, agensi kerajaan dan pelbagai organisasi untuk melancarkan inisiatif berimpak yang meningkatkan tahap literasi kewangan merentas semua peringkat kehidupan. Usaha bersama ini telah membuahkan hasil yang positif, lantas menunjukkan bahawa kerjasama merupakan pemacu utama dalam mendorong kemajuan.

Inisiatif Kerjasama Utama oleh Para Ahli dan Rakan Usaha Sama FEN

Memperkasakan Literasi Kewangan: Inisiatif Berimpak oleh FEN

- 1. FEN telah **memanfaatkan kerjasama** dengan institusi pendidikan, agensi kerajaan dan organisasi bagi mempertingkatkan literasi kewangan pada setiap fasa kehidupan
- 2. Hasil kerjasama ini menunjukkan **penapaian yang jelas**, menggariskan peranan penting kerjasama dalam memajukan pendidikan kewangan

Inisiatif Utama	Segmen Sasaran	Hasil
Penerapan pendidikan kewangan dalam kurikulum sekolah Menerapkan pendidikan kewangan dalam kurikulum sekolah pada semua peringkat	Murid prasekolah hingga pelajar sekolah menengah atas	Pelajar berumur 13 hingga 14 tahun kini mampu menerapkan konsep asas kewangan dalam kehidupan seharian, termasuk membaca dokumen kewangan dengan bantuan kemahiran matematik asas (KPM, 2023)
Pengenalan kepada FEN PROAKTIF Program pendidikan kewangan dalam talian disediakan untuk pelajar tahun akhir institusi pengajian tinggi	Pelajar tahun akhir institusi pengajian tinggi	Pelajar memperoleh kemahiran asas dalam pengurusan kewangan peribadi sebagai persediaan menghadapi alam pekerjaan
Penambahbaikan kepada platform jangkauan digital FEN Laman sesawang FEN diperkemas sebagai platform pendidikan kewangan yang menyeluruh, bersama-sama dengan pelancaran saluran media sosial FEN	Semua	Laman sesawang FEN kini menawarkan lebih 800 sumber literasi kewangan percuma yang disumbangkan oleh para ahli dan rakan usaha sama FEN Lebih 47,000 pengguna telah mendapat manfaat daripada kesemua sumber ini
Inisiatif peringkat akar umbi melalui Program Jelajah Seluruh Negara oleh FEN Pendidikan kewangan percuma disediakan kepada komuniti, merangkumi pengurusan kewangan peribadi, literasi kewangan digital, kesedaran terhadap penipuan kewangan dan perlindungan risiko	Komuniti luar bandar, pelajar Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional, usahawan mikro wanita, individu bekerja sendiri dan komuniti Orang Asli	Secara purata, peningkatan sebanyak hampir 14% dicatatkan dalam pengetahuan, tingkah laku dan sikap peserta dalam kalangan segmen yang tidak mendapat dan kurang mendapat perkhidmatan kewangan Pada tahun 2024 , program jelajah ini berlangsung di 98 lokasi dan menjangkau lebih 39,000 individu
Inisiatif literasi kewangan merentas sektor oleh para ahli FEN Para ahli FEN melaksanakan program literasi kewangan utama masing-masing bagi memudahkan orang ramai mendapatkan maklumat tentang produk dan perkhidmatan kewangan, serta akses kepada khidmat nasihat dan pendidikan merangkumi pelbagai topik. Inisiatif ini termasuk Karnival Celik Kewangan (KCK) oleh BNM, Minggu Literasi Kewangan (FLW) oleh KWSP, InvestSmart® oleh SC dan Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB)	Semua	Tahap literasi kewangan digital meningkat secara progresif, didorong oleh kempen kesedaran yang dipergiat untuk menangani jurang yang dikenal pasti menerusi Kaji Selidik FCI 2021: Hampir 90% peserta KCK Pahang menyatakan bahawa mereka peka tentang kewujudan akaun keldai . Sebanyak 86% tidak berkongsi kata laluan dengan kawan rapat Di KCK Sarawak, 82% peserta menunjukkan sikap berhati-hati apabila menjalankan transaksi perbankan dalam talian menggunakan tetapan yang tidak selamat

Para Ahli, Ahli Bersekutu dan Rakan Usaha Sama yang Terlibat

Ahli FEN:

- Bank Negara Malaysia
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
- Kementerian Pendidikan
- Kementerian Pendidikan Tinggi
- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
- Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
- Permodalan Nasional Berhad
- Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit

Ahli Bersekutu FEN:

- Kementerian Belia dan Sukan
- Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
- Pertubuhan Keselamatan Sosial
- Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)

Rakan Usaha Sama FEN:

- Financial Planning Association of Malaysia
- Malaysian Financial Planning Council
- Federation of Investment Managers Malaysia
- Private Pension Administrator Malaysia
- Bursa Malaysia Berhad
- Creador Foundation
- RinggitPlus
- Prudential Assurance Malaysia Berhad
- Securities Industry Development Corporation
- Alliance Bank Malaysia Berhad
- Visa International (Asia Pacific) LLC
- HSBC Bank Malaysia Berhad
- FWD Takaful x Arus Academy
- Bank Simpanan Nasional
- LeapEd Services Sdn Bhd
- Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan
- Financial Industry Collective Outreach
- Financial Literacy for Youths: Malaysia
- Malaysian Takaful Association
- Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad
- Persatuan Insurans Hayat Malaysia
- P10 Holding Sdn Bhd
- Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia
- Eastspring Investments Berhad
- Institute for Capital Market Research Malaysia
- Shopee Mobile Malaysia Sdn Bhd
- RHB Bank Berhad
- Great Eastern Takaful Berhad
- Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat)
- Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank)
- FWD Insurance x Arus Academy
- Bank Muamalat Malaysia Berhad
- TikTok Malaysia

Bersama Kita Melakar Perubahan

FEN komited untuk bekerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan daripada semua sektor bagi merealisasikan visi NS2.0 dan membawa perubahan yang bermakna.

FEN mengalu-alukan penyertaan anda dalam usaha penuh makna ini. Dengan berganding bahu, kita dapat memperkasakan setiap rakyat Malaysia, meningkatkan daya tahan kewangan dan membentuk masa depan yang menjamin kesejahteraan kewangan yang mampu dicapai untuk semua. Pihak yang prihatin boleh menghubungi FEN dengan menghantar e-mel kepada info@fenetwork.my.

Cara Penglibatan Pihak yang Prihatin

Maklum balas dasar demi kemajuan

Orang ramai bersama-sama dengan badan swasta dan badan kerajaan digalakkan untuk berkongsi buah fikiran dan cadangan dalam usaha memperkasakan perumusan serta pelaksanaan dasar dan program literasi kewangan yang bersesuaian

Menjadi rakan pelaksana

Kementerian, agensi, penyedia perkhidmatan kewangan, sekolah, NGO, badan keagamaan dan kumpulan komuniti digalakkan bekerjasama bagi memperkukuh usaha pembangunan keupayaan yang sedia ada serta melaksanakan program pendidikan kewangan yang bersasar, khususnya kepada golongan mudah terjejas

Bagaimana pihak yang prihatin boleh turut serta dalam usaha ini?

Sumber dan alat sokongan

Kerjasama antara institusi akademik dengan badan kerajaan dan swasta memainkan peranan penting dalam memperkaya bahan, sumber dan alat literasi kewangan yang mampu meningkatkan tahap kesedaran serta memenuhi keperluan kumpulan sasaran. Penglibatan yang lebih aktif dalam penyelidikan dan kajian tingkah laku pengguna akan memastikan sumber dan alat sokongan yang dibangunkan kekal berimpak dan relevan

Kesedaran dan jangkauan

Orang awam bersama pihak swasta dan badan kerajaan boleh memainkan peranan penting dalam memperluas pemahaman dan sokongan terhadap NS2.0 dengan menyampaikan mesej yang jelas dan meluas melalui pelbagai saluran komunikasi untuk menjangkau semua lapisan masyarakat

Bab

05

Mengukur Kemajuan: Pemantauan dan Penilaian NS2.0

Memperkukuh Struktur Rangka Kerja Pemantauan dan Penilaian NS2.0 [↗](#)

Tadbir Urus dan Pelaporan Kemajuan [↗](#)

Peranan Pihak Berkepentingan FEN dalam Menyokong Rangka Kerja Pemantauan dan Penilaian [↗](#)



Pelaksanaan berkesan NS2.0 juga bergantung pada pemantauan dan penilaian (*measurement and evaluation*, M&E) yang utuh bagi memantau perkembangan dan memastikan strategi yang dilaksanakan mencapai hasil yang bermakna. Bab ini menggariskan pendekatan M&E yang diterapkan untuk memastikan NS2.0 kekal berada pada landasan yang tepat untuk mencapai matlamat yang disasarkan.

Bagi memastikan inisiatif pendidikan kewangan yang inklusif dan berimpak, FEN mengamalkan pendekatan serampang dua mata dalam mengukur dan menilai keberkesanan setiap inisiatif.

Pendekatan Serampang Dua Mata untuk Menilai Inisiatif Literasi Kewangan

1

Penilaian Setiap Inisiatif



Rangka Kerja Pengukuran dan Penilaian Pendidikan Kewangan (FEME)

- Rangka kerja berstruktur berasaskan hasil yang mengukur dan menilai impak inisiatif pendidikan kewangan terhadap individu dan kesejahteraan kewangan mereka
- Menilai sama ada inisiatif mencapai hasil yang dihasratkan, membolehkan penggunaan sumber secara berkesan dan penyesuaian yang lebih baik untuk cabaran yang tersendiri
- Hasil strategik FEME adalah untuk memastikan individu mempunyai dan menggunakan pengetahuan kewangan asas untuk membuat keputusan kewangan berdasarkan maklumat yang mencukupi



Kajian dan Penyelidikan Mengenai Pemahaman Tingkah Laku

- Simposium Literasi Kewangan Kebangsaan yang dianjurkan setiap tahun menghimpunkan para ahli akademik, pembuat dasar dan pengamal industri untuk membentangkan kajian daripada pelbagai disiplin mengenai literasi kewangan di Malaysia

2

Penilaian Tahap Literasi Kewangan Secara Keseluruhan



Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Segi Permintaan (FCI)

- Kaji selidik merentas seksyen untuk memahami tingkah laku kewangan rakyat Malaysia
- Tahap keupayaan kewangan dinilai berdasarkan pengetahuan, tingkah laku dan sikap kewangan
- Dapatkan kaji selidik dikongsikan pada peringkat global melalui saluran seperti OECD/INFE bagi menyelaraskan strategi literasi kewangan dengan amalan terbaik antarabangsa



Kaji Selidik Literasi Kewangan Tahunan

- Mengenal pasti perubahan tahap literasi kewangan dari semasa ke semasa dan menisbakkannya kepada pelaksanaan program pendidikan kewangan berskala besar
- Berdasarkan dapatan Kaji Selidik FCI, kaji selidik ini memberikan tumpuan pada bidang kelemahan utama bagi membolehkan penyesuaian intervensi yang lebih tepat

Memperkukuh Struktur Rangka Kerja Pemantauan dan Penilaian NS2.0

Berdasarkan asas yang sedia ada, NS2.0 memperkenalkan Rangka Kerja M&E yang lebih tersusun, menggabungkan sasaran jelas, pengawasan pelaksanaan dan tadbir urus yang kukuh. Rangka kerja ini berperanan sebagai panduan untuk menilai keberkesanan dan kelemahan pelaksanaan serta punca kelemahan tersebut, bagi membolehkan penambahbaikan berdasarkan bukti sepanjang kitaran pelaksanaan Strategi Kebangsaan.

Objektif Pemantauan dan Penilaian NS2.0



Mencapai kesepakatan untuk meningkatkan dan menilai kesejahteraan kewangan rakyat Malaysia



Memastikan pengagihan sumber yang cekap bagi memaksimumkan impak pelan tindakan



Mengenal pasti bidang yang perlu ditambah baik serta menunjukkan impak intervensi yang dilaksanakan



Memberikan akauntabiliti kepada para pihak berkepentingan

Rangka Kerja Pemantauan dan Penilaian NS2.0

Rangka kerja ini memastikan strategi NS2.0 dilaksanakan dengan objektif yang jelas dan hasil yang boleh diukur. Penyelarasan dalam kalangan pihak berkepentingan berhubung dengan ukuran kejayaan bersama membolehkan penggunaan sumber dioptimumkan, impak dimaksimumkan serta adanya sokongan terhadap penambahbaikan berterusan bagi memastikan strategi kekal relevan dan berkesan. Paling penting, rangka kerja ini turut memperkukuh akauntabiliti dan membina kepercayaan, yang merupakan kunci kepada kejayaan jangka panjang Strategi Kebangsaan.

Pelaksanaan Rangka Kerja M&E akan merangkumi dua komponen utama:

i. Peringkat Makro: Penunjuk Utama dan Sasaran

Seperti yang diperkenalkan dalam Bab 1: Melakar Permulaan: Landskap Literasi Kewangan Malaysia, penunjuk utama peringkat makro menetapkan aspirasi bersama yang ingin dicapai melalui Strategi Kebangsaan menjelang tahun 2030. Penunjuk utama mentakrifkan matlamat bersama dan menyelaraskan usaha semua pihak berkepentingan, menyediakan hala tuju yang jelas dalam memperkukuh literasi kewangan. Pemantauan kemajuan berdasarkan penanda aras ini membantu pihak berkepentingan kekal fokus secara kolektif, mengukur impak dan membuat pelarasan yang diperlukan untuk memastikan hasil yang bermakna dapat dicapai

ii. Peringkat Mikro: Pelan Pelaksanaan

Sebagai pelengkap kepada penunjuk utama, Pelan Pelaksanaan berfungsi sebagai nadi operasi NS2.0. Pelan ini memperincikan cara Fokus Strategik dilaksanakan menerusi perincian tindakan yang akan diambil, jadual pelaksanaan, tanggungjawab pihak berkepentingan dan hasil pada setiap peringkat. Langkah ini memastikan pelaksanaan yang lebih terselaraskan dan bertanggungjawab, dan pada yang sama menggerakkan pemantauan berterusan terhadap kemajuan pada peringkat pelaksanaan. Pelan Pelaksanaan penuh akan diterbitkan pada suku pertama tahun 2026, bagi menyediakan pelan hala tuju lazim kepada pihak berkepentingan untuk membimbing dan menyelaraskan usaha mereka sepanjang tempoh Strategi Kebangsaan

Gambaran Keseluruhan Rangka Kerja M&E**Pelan Pelaksanaan NS2.0**

Pelan Pelaksanaan berfungsi sebagai panduan praktikal yang jelas untuk memastikan inisiatif literasi kewangan dilaksanakan dengan berkesan. Pelan ini menyediakan langkah-langkah jelas bagi pihak berkepentingan untuk menyampaikan pendidikan kewangan yang menyeluruh, disokong oleh panduan yang berstruktur namun fleksibel yang mengambil kira kepelbagaian peranan, keupayaan serta latar institusi yang terlibat. Berteraskan visi dan misi Strategi Kebangsaan, Pelan Pelaksanaan memberikan tumpuan pada tiga bidang utama: mengubah cara berfikir dan tingkah laku berkaitan wang, memperkukuh kemahiran kewangan segmen sasaran utama untuk mengharungi cabaran ekonomi serta membina kerjasama yang kukuh bagi mendorong perubahan yang berkekalan.

Bagi menyokong pelaksanaan yang berkesan, Pelan Hala Tuju Programatik telah dibangunkan sebagai rangka kerja yang terselaraskan dan sistematik. Pelan ini menggariskan inisiatif yang umum dan boleh disesuaikan serta selaras dengan Fokus Strategik, memberikan panduan yang jelas untuk pelaksanaan sepanjang tempoh lima tahun Strategi Kebangsaan ini. Dengan mengutamakan pelan tindakan yang praktikal dan berimpak tinggi, Pelan Hala Tuju Programatik bertujuan untuk menerapkan pendidikan kewangan dalam kehidupan seharian, membantu individu membuat keputusan kewangan berdasarkan maklumat dan meningkatkan daya tahan serta kesejahteraan kewangan.

Salah satu ciri utama dalam Pelan Pelaksanaan ialah pembangunan Inisiatif Peringkat Kebangsaan (National Level Initiatives, NLI) yang bertujuan menjadikan usaha sistematik terpilih sebagai program berskala besar dan berimpak tinggi. Kesemua inisiatif bawah NLI dirancang untuk mengoptimumkan sumber, memperteguh kerjasama dan mengurangkan pertindanan, bagi memastikan inisiatif literasi kewangan dapat sampai kepada lebih banyak individu secara lebih berkesan. NLI memperkasakan pihak berkepentingan untuk mengenal pasti bidang keutamaan bagi tindakan intervensi segera, menyalurkan sumber yang terhad kepada aktiviti yang paling bernilai tinggi dan berimpak tinggi, serta menghasilkan kejayaan segera. Langkah ini adalah untuk mencetuskan momentum awal serta pada masa yang sama menetapkan asas untuk perubahan yang berkekalan sepanjang tempoh pelaksanaan NS2.0. Fokus terhadap peluasan skala dan penyesuaiannya membolehkan NLI menghasilkan perubahan positif yang berpanjangan merentas pelbagai komuniti di seluruh Malaysia.

Salah satu contoh NLI ialah FEN PROAKTIF, iaitu sebuah program dalam talian yang menyasarkan pelajar universiti tahun akhir. Program ini dibangunkan bagi membekalkan kemahiran kewangan asas kepada golongan muda yang akan memasuki alam pekerjaan. FEN PROAKTIF merangkumi lima modul utama: pengurusan aliran tunai, pengurusan hutang, penjanaan kekayaan, pengurusan risiko kewangan dan literasi kewangan digital. FEN PROAKTIF menghayati ciri-ciri utama NLI melalui penajajaran secara terus dengan Fokus Strategik NS2.0, iaitu menyasarkan peringkat kehidupan yang amat penting dengan potensi impak yang tinggi, serta menggunakan model pelaksanaan yang boleh diperluas dan berulang. Pelaksanaan program ini melalui kerjasama strategik turut memperkukuh capaian meluas dan keberkesanan yang berterusan.

Maklumat lanjut mengenai Pelan Pelaksanaan akan diterbitkan pada suku pertama tahun 2026.

Gambaran Keseluruhan Pelan Pelaksanaan NS2.0

Visi NS2.0

Rakyat Malaysia yang memiliki **keupayaan kewangan yang kukuh** untuk mencapai **daya tahan dan kesejahteraan kewangan demi masa depan yang terjamin, inklusif dan mampan**

Misi NS2.0

Melahirkan masyarakat Malaysia yang celik dan berdaya tahan kewangan melalui **pendidikan kewangan yang inklusif, dinamik, inovatif dan disasarkan dengan baik**, yang dilaksanakan secara berterusan melalui **pendekatan seluruh negara** bagi memupuk budaya membuat keputusan kewangan berpandukan maklumat dan pertimbangan wajar

Selaras dengan visi dan misi NS2.0, Pelan Pelaksanaan ini digarap secara strategik bagi menyokong objektif utama NS2.0

Objektif Pelan Pelaksanaan

1. Panduan menyeluruh untuk institusi bagi mendorong pencapaian yang berimpak
2. Memperluas dan memperkukuh keberkesanan strategi serta pelan tindakan literasi kewangan bagi menghasilkan impak yang lebih meluas



Tawaran Nilai Pelan Pelaksanaan

- Perubahan bermakna:** Menggalakkan perubahan sikap dan tingkah laku kewangan yang positif melalui pemeraksanaan ilmu pengetahuan, bagi menghasilkan impak yang mampan dan berpanjangan
- Daya tahan kewangan:** Memperkukuh keupayaan dan daya tahan kewangan kumpulan sasaran utama agar lebih bersedia mengharungi cabaran ekonomi
- Perkongsian strategik:** Memperluas jaringan kerjasama untuk memanfaatkan kepelbagaian kepakaran, menyokong pembangunan mampan dan memacu pertumbuhan secara kolektif



Objektif Utama NS2.0



Mempertingkatkan tahap literasi kewangan yang membolehkan pengguna membuat keputusan kewangan berpandukan maklumat serta bersesuaian dengan keperluan kewangan mereka



Memperkukuh literasi kewangan digital agar pengguna dapat menyertai ekonomi digital secara bermakna dan selamat




Mempertingkatkan rangkuman kewangan melalui akses yang saksama dan bermakna kepada sumber dan perkhidmatan kewangan



Menambah baik daya tahan dan kesejahteraan kewangan dengan memastikan pengguna menguruskan kewangan secara berkesan untuk menghadapi kejutan, memenuhi keperluan semasa dan mencapai matlamat masa hadapan


Gambaran Keseluruhan Pelan Hala Tuju Programatik NS2.0

	2026	2027 - 2028	2029 - 2030
	Pelaksanaan NS2.0	Semakan Separuh Penggal NS2.0 (2028)	Semakan Akhir Penggal NS2.0 (2030)
	Pembinaan Asas	Peluasan Capaian dan Penilaian Keberkesanan	Pengukuhan Keupayaan
SP1: Menggalakkan perancangan kewangan berhemat dan persediaan untuk persaraan	- Memperkasakan dan memperluas program belia FEN yang berstruktur secara dalam talian - Menyepadukan pendidikan kewangan untuk pendidik, penjawat awam dan usahawan mikro - Menggalakkan amalan menyimpan dalam kalangan kumpulan sasaran, termasuk untuk persaraan	- Pelaksanaan berperingkat program belia FEN yang berstruktur secara dalam talian di institusi TVET dan universiti - Memperkasakan dan memperluas pendidikan kewangan melalui program pembangunan keupayaan untuk pelbagai Kementerian, pihak berkuasa agama, institusi kewangan, penjawat awam dan usahawan mikro - Meningkatkan akses kepada penyelesaian pendidikan kewangan melalui aplikasi mudah alih institusi kewangan dan platform digital	- Memperkukuh program pendidikan kewangan berasaskan risiko dan trend baharu - Memastikan kandungan pendidikan kewangan kekal relevan dengan meneroka pendekatan dan saluran baharu serta pengembangan platform
SP2: Memupuk pengurusan hutang yang bijak dan bertanggungjawab	- Merintis kaedah pendidikan kewangan pada masa yang tepat dengan kandungan disesuaikan untuk pengurusan kewangan peribadi dan hutang - Merintis alat pengurusan hutang sebagai sebahagian daripada sokongan kesejahteraan mental di tempat kerja - Nasihat pengurusan kredit yang disampaikan pada masa yang tepat dengan kandungan disesuaikan - Kempen peringkat kebangsaan untuk menggalakkan individu mendapatkan bantuan melalui saluran rasmi	- Memperluas capaian pendidikan kewangan pada masa yang tepat dengan kandungan disesuaikan bagi permohonan sebelum pembiayaan - Memperkasakan penggunaan alat pendidikan kewangan pada masa yang tepat dengan kandungan disesuaikan bagi pengurusan kewangan peribadi dan hutang - Memperluas inisiatif pendidikan kewangan bagi menyokong kesejahteraan mental di tempat kerja	- Menambah baik modul dan alat pendidikan kewangan melalui inovasi digital - Menilai impak pendidikan kewangan pada masa yang tepat dengan kandungan disesuaikan terhadap tingkah laku bagi mengenal pasti potensi peluasan kepada topik selain pengurusan hutang



Tadbir Urus dan Pelaporan Kemajuan

Satu mekanisme tadbir urus dan pelaporan yang jelas telah disediakan bagi memudahkan komunikasi secara tepat pada masanya dan berkesan tentang dapatan dan penilaian NS2.0. Setiap tahun, struktur tadbir urus dua peringkat FEN, iaitu Kumpulan Peringkat Kerja (Working Level Group, WG) dan Jawatankuasa Pemandu antara Agensi Peringkat Tinggi (High-Level Inter-Agency Steering Committee, HLSC), akan menyemak keputusan daripada data dan penunjuk yang dikumpulkan bawah Pelan Pelaksanaan. Semakan utama juga akan dijalankan pada pertengahan tempoh pelaksanaan dan selepas tamat kitaran Strategi Kebangsaan pada tahun 2030. Penilaian ini akan merenung kemajuan, pencapaian serta penambahbaikan, dan pada masa yang sama memberikan panduan bagi tindakan seterusnya dalam menghadapi ekosistem kewangan yang sentiasa berubah.



Peranan Pihak Berkepentingan FEN dalam Menyokong Rangka Kerja Pemantauan dan Penilaian

Keberhasilan Rangka Kerja M&E bergantung pada penglibatan aktif pelbagai pihak berkepentingan dengan setiap pihak memainkan peranan yang tersendiri dan mustahak dalam pelaksanaan NS2.0.

Peranan FEN	Peranan Pihak Berkepentingan
Bekerjasama dengan organisasi antarabangsa seperti Bank Dunia dan OECD untuk saling berkongsi pengetahuan dan pengalaman tentang pelaksanaan M&E, serta memastikan keselarasan dengan amalan terbaik peringkat global	Jika anda berada dalam ekosistem perkhidmatan kewangan: Kongsikan data pentadbiran yang relevan bagi menyokong proses M&E bagi Fokus Strategik NS2.0. ¹⁵ Data ini sangat penting untuk memantau tahap literasi kewangan dan corak tingkah laku kewangan dalam kalangan rakyat
Terus menyokong pihak berkepentingan dalam menggunakan Rangka Kerja FEME bagi menilai program pendidikan kewangan masing-masing	Jika anda merupakan kumpulan komuniti literasi kewangan: Gunakan Rangka Kerja FEME dalam program pendidikan kewangan anda. Kumpulan komuniti sering menjadi pelopor dalam usaha pendidikan kewangan dan berperanan penting dalam memberikan pandangan akar umbi mengenai keberkesanan pelbagai intervensi serta keperluan yang berubah-ubah dalam kumpulan sasaran


Seiring dengan pelaksanaan NS2.0, Rangka Kerja M&E akan berfungsi sebagai kompas yang memandu setiap usaha ke arah mencapai matlamat NS2.0. Melalui pendekatan yang sistematik dan berasaskan bukti ini, NS2.0 berupaya mencetuskan perubahan yang bermakna dan berkekalan dalam kewangan kehidupan rakyat Malaysia dan seterusnya memperkuat daya tahan serta kesejahteraan kewangan demi masa hadapan yang lebih mampan.

¹⁵ Pihak berkepentingan yang berhasrat menyumbangkan data, maklum balas dan sumber boleh merujuk Bab 4 Menjayakan Aspirasi: Pendekatan Pelaksanaan Strategi untuk maklumat lanjut.

Lampiran

Mengenai Jaringan Pendidikan Kewangan

Mengenai Indeks Celik dan Keupayaan Kewangan Malaysia



Mengenai Jaringan Pendidikan Kewangan



Jaringan Pendidikan Kewangan (Financial Education Network, FEN) merupakan platform antara agensi yang merangkumi institusi dan agensi yang komited untuk meningkatkan tahap literasi kewangan rakyat Malaysia. FEN memanfaatkan kepakaran dan sumber ahlinya untuk menyelaraskan, bekerjasama dan secara kolektif memacu usaha bagi memastikan pelaksanaan inisiatif pendidikan kewangan kepada rakyat Malaysia dilakukan secara berkesan dan mampan. FEN akan bekerjasama dengan Kementerian yang berkaitan, persatuan industri, institusi, kumpulan pengguna dan pihak berkepentingan utama lain untuk melaksanakan, memantau dan menilai inisiatif pendidikan kewangan di bawah Strategi Kebangsaan.

FEN menggunakan **rangka kerja tadbir urus dua peringkat** untuk memacu pelaksanaan inisiatif Strategi Kebangsaan:

Jawatankuasa Pemandu antara Agensi Peringkat Tinggi menyediakan hala tuju strategik dan memantau perumusan dan pelaksanaan Strategi Kebangsaan

Kumpulan Peringkat Kerja memastikan inisiatif bagi setiap Fokus Strategik dilaksanakan serta melaporkan perkembangan dan hasil pelaksanaan kepada Jawatankuasa Pemandu antara Agensi Peringkat Tinggi

Ahli dan Ahli Bersekutu FEN



Financial Education Network

www.fenetwork.my

Pengerusi Bersama dan Sekretariat Bersama



Bank Negara Malaysia

Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur Malaysia
+603-2784 8888 (Talian Am)
www.bnm.gov.my



Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

3 Persiaran Bukit Kiara, Bukit Kiara
50490 Kuala Lumpur
+603-6204 8000
www.sc.com.my
www.investsmartsc.my

Ahli Lain



Kementerian Pendidikan

Aras 8 Blok E8
Kompleks E, Pusat Pentadbiran
Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya
+603-8870 6000
www.moe.gov.my



Kementerian Pendidikan Tinggi

No 2, Menara 2, Jalan P5/6
Presint 5, 62200 Putrajaya
+603 8000 8000
www.mohe.gov.my



Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

Menara KWSP
No. 1, Persiaran Kwasa Utama
Kwasa Damansara
Seksyen U4
40150 Selangor
www.kwsp.gov.my



Perbadanan Insurans Deposit Malaysia

Aras 9, Bangunan AICB
10, Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
+603-2173 7436 / 2265 6565
Talian Bebas Tol: 1-800-88-1266
www.pidm.gov.my



Permodalan Nasional Berhad

91, Menara Merdeka 118
Presint Merdeka 118
50118 Kuala Lumpur
+603-2639 3118
www.pnb.com.my



Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit

Level 5 & 6, Menara Aras Raya
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
+603-2616 7766
www.akpk.org.my

Ahli Bersekutu



Kementerian Belia dan Sukan



Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah



Pertubuhan Keselamatan Sosial



Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)

Rakan Usaha Sama FEN dan Penghargaan

Rakan Usaha Sama



Financial Planning Association of Malaysia



Malaysian Financial Planning Council



Federation of Investment Managers Malaysia



Private Pension Administrator Malaysia



Bursa Malaysia Berhad



Creador Foundation



RinggitPlus



Prudential Assurance Malaysia Berhad



Securities Industry Development Corporation



Alliance Bank Malaysia Berhad



Visa International (Asia Pacific) LLC



HSBC Bank Malaysia Berhad



FWD Takaful x Arus Academy



Bank Simpanan Nasional



LeapEd Services Sdn Bhd



Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan



Financial Industry Collective Outreach



Financial Literacy for Youths: Malaysia

Rakan Usaha Sama



Malaysian Takaful Association



Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad



Persatuan Insurans Hayat Malaysia



P10 Holding Sdn Bhd



Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia



Eastspring Investments Berhad



Institute for Capital Market Research Malaysia



Shopee Mobile Malaysia Sdn Bhd



RHB Bank Berhad



Great Eastern Takaful Berhad



Bank Pilihan Anda



Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank)



FWD Insurance x Arus Academy



Bank Muamalat Malaysia Berhad



TikTok Malaysia



Penghargaan:



WORLD BANK GROUP
World Bank

Mengenai Indeks Celik dan Keupayaan Kewangan Malaysia

Indeks Celik dan Keupayaan Kewangan Malaysia (MYFLIC) merupakan penanda aras yang dibangunkan untuk menilai tahap keupayaan kewangan rakyat Malaysia secara menyeluruh. Indeks ini berasaskan dapatan Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Segi Permintaan (FCI), iaitu kajian berkala setiap tiga tahun yang dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia. MYFLIC menilai aspek pengetahuan, tingkah laku dan sikap kewangan untuk memberikan pemahaman yang lebih menyeluruh mengenai tahap literasi dan keupayaan kewangan di negara ini.



Sikap				
2015	2018	2021	2024	
56.3	53.5	54.7	54.4	

Mengukur sikap individu yang mempengaruhi keputusan kewangan mereka, termasuk tahap kawalan sendiri dan pendekatan kewangan untuk masa hadapan

Kawalan Kendiri				
	2015	2018	2021	2024
Keseluruhan	66.6	66.6	63.7	65.0
Tidak berbelanja secara impulsif; berdisiplin dalam mengurus kewangan	66.6	66.6	63.7	65.0

Sikap terhadap Masa Hadapan

	2015	2018	2021	2024
Keseluruhan	47.8	43.2	47.6	46.6
Lebih mengutamakan simpanan berbanding perbelanjaan	51.3	40.1	44.3	43.5
Mengutamakan perancangan kewangan jangka panjang berbanding imbuhan jangka pendek	44.3	46.3	50.8	49.8


Berorientasikan pencapaian

	2015	2018	2021	2024
Keseluruhan	54.5	50.8	52.9	51.6
Pemikiran berbelanja secara bertanggungjawab	44.8	39.2	43.0	41.5
Berusaha mencapai matlamat kewangan jangka panjang	65.1	62.4	62.8	61.8

Indeks Literasi Kewangan Digital (Digital Financial Literacy, DFL)	
2021	2024
32.3	42.2

Merujuk tahap pengetahuan, kemahiran, sikap dan tingkah laku penting yang membolehkan individu memahami, mengakses serta menggunakan perkhidmatan dan teknologi kewangan digital secara selamat dan berkesan. Indeks DFL menilai tahap keupayaan rakyat Malaysia menggunakan alat perkhidmatan digital dengan cekap dan selamat dalam urusan harian mereka.

		2021	2024
Pengetahuan 2021: 26.7 2024: 42.8	% rakyat Malaysia yang percaya bahawa data peribadi yang dikongsi secara dalam talian boleh digunakan untuk menghantar tawaran komersial atau kewangan yang khusus	25	51
	% rakyat Malaysia yang berpendapat bahawa tidak perlu untuk menandatangani kontrak secara fizikal bagi memeterai perjanjian kewangan digital yang sah	25	21
	% rakyat Malaysia yang memahami bahawa mata wang kripto tidak mempunyai status sebagai mata wang yang sah seperti wang kertas dan syiling	17	28
Tingkah Laku 2021: 33.7 2024: 44.7	% rakyat Malaysia yang berkongsi kata laluan dan nombor pengenalan peribadi (PIN) akaun bank dengan kawan rapat	37	15
	% rakyat Malaysia yang berkongsi maklumat kewangan peribadi menerusi platform awam termasuk media sosial	N/A	18
	% rakyat Malaysia yang kerap menukar kata laluan di laman sesawang yang mereka gunakan untuk membeli-belah dan menguruskan kewangan peribadi secara dalam talian	11	20
Sikap 2021: 36.7 2024: 38.1	% rakyat Malaysia yang membuat semakan sama ada penyedia produk kewangan dikawal selia sebelum mereka membuat pembelian.	27	21
	% rakyat Malaysia yang mengambil berat tentang keselamatan laman sesawang sebelum membuat transaksi dalam talian	38	39
	% rakyat Malaysia yang membaca terma dan syarat semasa membuat pembelian dalam talian	43	42
	% rakyat Malaysia yang percaya bahawa membeli-belah secara dalam talian menggunakan Wi-Fi awam adalah tidak selamat	29	34



Tahap literasi kewangan yang lebih tinggi lazimnya dikaitkan dengan kesejahteraan kewangan (FWB) individu yang lebih baik. Indeks FWB merangkumi dua komponen utama, iaitu daya tahan kewangan dan persepsi subjektif individu terhadap keadaan kewangan peribadi mereka. Daya tahan kewangan merujuk keupayaan individu menghadapi kejutan kewangan yang negatif.

		2021	2024
Daya Tahan Kewangan yang Objektif	% rakyat Malaysia yang mampu menampung sepenuhnya perbelanjaan tidak dijangka yang besar, iaitu bersamaan dengan gaji sebulan, tanpa perlu meminjam wang	55	51
	% rakyat Malaysia yang mempunyai pendapatan mencukupi untuk menampung kos sara hidup dalam tempoh 12 bulan yang lalu	81	71
	% rakyat Malaysia yang mampu menampung perbelanjaan hidup untuk lebih tiga bulan jika kehilangan pendapatan	36	37
	% rakyat Malaysia yang biasanya masih mempunyai wang lebih pada hujung bulan	44	35
2021: 26.0 2024: 23.6			
Kesejahteraan Kewangan yang Subjektif	% rakyat Malaysia yang merasakan mereka menanggung terlalu banyak hutang	30	26
	% rakyat Malaysia yang berpuas hati dengan keadaan kewangan mereka pada masa ini	51	39
	% rakyat Malaysia yang merasakan mereka mampu memiliki perkara yang diingini dalam hidup berdasarkan keadaan kewangan semasa	28	27
	% rakyat Malaysia yang merasakan kewangan mereka mengawal kehidupan mereka	81	81
	% rakyat Malaysia yang bimbang wang mereka mungkin tidak mencukupi untuk jangka masa panjang	76	80
	% rakyat Malaysia yang hanya mampu memenuhi keperluan asas kewangan	80	81
	% rakyat Malaysia yang cenderung untuk bimbang tentang kemampuan mereka untuk menampung perbelanjaan hidup harian	79	84
	% rakyat Malaysia yang merasakan keadaan kewangan mengehadkan keupayaan mereka untuk melakukan perkara yang penting dalam hidup	83	85
2021: 14.0 2024: 13.2			

